Jilid I
Bil. 45

Hari Selasa
10hb Januari, 1984

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 5789]

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 5789]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 5790]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 5790]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 5791]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 5791]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1984 [Ruangan 5792]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).

,, Timbalan Yang Dipertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).

,, LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM (Dilantik).

,, TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).

,, TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

,, TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).

,, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).

,, TUAN AHMAD BIN OTHMAN (Kedah).

,, TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).

,, TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).

,, TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).

,, DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).

,, DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).

,, TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).

,, DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).

,, PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI (Pahang).

,, PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).

,, PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

,, TUAN IBRAHIM *alias* Ahmad bin Mat Saman *alias* OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).

,, TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

,, TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).

,, TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).

,, DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).

,, TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).

,, TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).

,, TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).

,, TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).

,, DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).

,, TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).

,, TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).

,, CIK LIM HIANG NAI *alias* LIM SEAN HEAN (Dilantik).

,, DATO LOH FOOK YEN (Dilantik).

,, TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).

,, TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).

,, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).

,, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).

,, DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).

,, TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH (Perlis).

,, TUAN MOHD. YUSOFF KASSIM (Perak).

,, TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).

,, PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).

,, TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).

,, TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

,, DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

,, PUAN ROGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

,, PUAN ROKIAH *alias* MAIMUM BINTI ZAINUDDIN (Dilantik).

,, TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).

,, TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

,, TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).

,, TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).

,, TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).

,, TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

Yang Berhormat DATO WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).

,, DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).

,, TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

,, TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.
Penyunting: P. B. Menon.
Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 10hb Januari, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Puan Hasnah *alias* Hasanah Fatimah binti Haji Mohd. Kasim.

Tuan Fadzil bin Mahmood.

Tuan Haji Ishak bin Abdul Rahman.

Datuk Khoo Kay Por.

Tuan Tan Chang Soong.

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dipilih semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cermerlangnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Timbalan Yang dipertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen dalam bulan Ogos, 1983.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut. Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"9hb Januari, 1984

Tuan Yang Dipertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan).

Yang ikhlas,

Tandatangan:

YANG DIPERTUA DEWAN RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibaca kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan).

Tuan Yang Dipertua: Baiklah.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dipertimbangkan urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dipertimbangkan urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua

2.45 ptg.

Timbalan Perdana Menteri (Dato Musa Hitam): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya membuat huraian-huraian khusus terhadap perkara-perkara yang akan dipinda, saya memohon izin membuat beberapa penjelasan mengenai latarbelakang yang mendorong pindaan ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, pindaan-pindaan yang dibentangkan hari ini adalah dibuat sebagai menepati janji Kerajaan kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu baru-baru ini. Janji tersebut dibuat menjelang perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Timbalan Yang Dipertuan Agong ke atas Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 pada pertengahan Disember lalu.

Sebenarnya, segala pindaan ini mencerminkan hasil beberapa perundingan di antara pihak UMNO yang telah diminta jasa baiknya oleh pihak Kerajaan, dan juga Kerajaan sendiri dengan pihak Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu. Perundingan-perundingan tersebut telah dijalankan setelah timbul penentangan di kalangan Duli-Duli

Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu terhadap pindaan Perlembagaan 1983 itu kerana kekeliruan dan salah tafsir atas semangat dan hasrat di sebalik pindaan Perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen Julai lalu.

Saya tidak akan membuat huraian lanjut terhadap latar belakang dan perkembangan yang mendorong kepada pindaan Perlembagaan yang saya bentangkan hari ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun menghuraikan hal ini dengan panjang lebarnya di Dewan Rakyat petang semalam.

Kita bersyukur kerana pihak Kerajaan dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu telah berjaya mencapai jalan keluar untuk menyelesaikan isu tersebut. Ini membuktikan bahawa semua pihak menitikberatkan kepentingan rakyat dan negara dari kepentingan-kepentingan lain. Ini membayangkan bahawa kita telah meningkat naik ke satu peringkat kematangan dalam proses menghayati Sistem Demokrasi Berparlimen yang kita amalkan dan Institusi Raja Berperlembagaan yang kita pelihara di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, kefahaman dan persetujuan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu di dalam mencari jalan keluar ini telah mengukuhkan lagi Sistem Demokrasi Berparlimen dan Institusi Raja Berperlembagaan di negara ini. Saya percaya rakyat turut berbangga dalam hal ini kerana adalah menjadi hakikat bahawa perjuangan rakyatlah yang sebenarnya telah mewujudkan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Institusi Raja Berperlembagaan. Dan rakyat pada keseluruhannya, kecuali beberapa kerat pelampau, memang mahu mengekalkan serta memelihara sistem dan institusi ini.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri pun dapat menilai betapa bermaknanya kefahaman dan persetujuan yang telah dicapai itu. Ahli-ahli Yang Berhormat juga tentu dapat menilai betapa besarnya sumbangan kefahaman dan persetujuan yang dimeteraikan itu terhadap kestabilan negara dan keharmonian masyarakat.

Sebab itulah saya berharap semoga tiada sesiapa jua pun yang akan cuba mensalah-tafsirkan pindaan-pindaan Perlembagaan yang akan dibincangkan hari ini. Janganlah jalan keluar ini pula disambar dan diputarbelitkan sehingga ianya menjadi bahan politik negatif oleh pihak-pihak yang masih enggan, menerima realiti dan semangat kepada pindaan-pindaan Perlembagaan ini.

Sesiapa juga yang cuba mengeksploitasi usaha jalan keluar menerusi pindaan Perlembagaan ini hendaklah bertanggungjawab terhadap tindak-tanduk mereka. Mereka haruslah bersedia menerima akibat dari sebarang tindak-tanduk mereka sendiri. Saya katakan demikian kerana dalam perkiraan akhir, rakyatlah yang akan menghakimkan mereka.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang yang saya kemukakan hari ini adalah untuk meminda Perkara 66, Perkara 150 dan juga Jadual 8 di dalam Perlembagaan.

Perkara 66 dalam Rang Undang-undang ini menggariskan bahawa sesuatu Rang Undang-undang, melainkan Rang Undang-undang mengenai kewangan, yang disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, hendaklah diperkenankan dalam tempoh 30 hari selepas ianya dipersembahkan kepada Baginda.

Dalam tempoh tersebut, Yang di-Pertuan Agong boleh mengembalikan Rang Undang-undang berkenaan kepada Parlimen sekiranya Baginda mempunyai bantahan kepada Rang Undang-undang itu. Jika Baginda tidak mengemukakan sebarang bantahan dalam tempoh tersebut, maka Rang Undang-undang itu hendaklah menjadi undang-undang selepas tamatnya tempoh 30 hari itu.

Sekiranya Yang di-Pertuan Agong mengembalikan Rang Undang-undang itu untuk dipertimbangkan semula oleh Parlimen kerana ada bantahan tertentu, maka kedua-dua Dewan Parlimen hendaklah segera menimbangkan semula Rang Undang-undang tersebut.

Apabila Rang Undang-undang itu sekali lagi diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen, sama ada dengan pindaan atau tidak, maka Rang Undang-undang itu hendaklah sekali lagi dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan pekenan Baginda. Baginda hendaklah memperkenankan Rang Undang-undang itu dalam tempoh 30 hari selepas Rang Undang-undang itu dipersembahkan kepada Baginda.

Setelah tamat 30 hari dan Yang di-Pertuan Agong masih belum memberi perkenan kepada Rang Undang-undang tersebut, maka Rang Undang-undang itu akan menjadi undang-undang seolah-olah Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankannya.

Tuan Yang Dipertua, pindaan yang saya kemukakan ini juga bertujuan memansuhkan peruntukan yang ada sekarang mengenai Perkara 150, iaitu mengenai pengisytiharan darurat dan juga Seksyen Sebelas kepada Jadual Kelapan mengenai perkenanan Raja-Raja kepada Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

Pemansuhan ini bermakna Kerajaan akan berbalik kepada peruntukan yang ada sebelum ini. Pemansuhan ini juga adalah sebahagian dari tawaran Kerajaan dalam usaha mencari jalan keluar menerusi perundingan-perundingan dengan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu.

Pindaan ini juga bertujuan memansuhkan Seksyen 4 (2) kepada Jadual Kelapan dalam Perlembagaan. Pindaan ini dibuat untuk memberi kelonggaran kepada Dewan-dewan Undangan Negeri di dalam menentukan jumlah Ahli Dewan itu tanpa kaitan dengan bilangan Ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh.

2.53 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang Dipertua, saya bagi pihak UMNO suka menyokong atas pindaan Perlembagaan yang di hadapan kita sekarang ini dan di samping menyokong patutlah kita semua, terutama sekali Ahli-ahli Dewan Negara ini bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana satu perkara yang telah berlaku dalam negara kita iaitu yang dinamakan krisis Perlembagaan telah selesai.

Saya menyatakan perasaan saya sendiri dan perasaan rakyat jelata adalah mengharapkan penyelesaian ini

dibuat dengan cara yang begitu bijaksana dan di sini saya sukalah mencadangkan satu ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga selaku Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional yang telah memainkan peranan di samping pemimpin-pemimpin yang lain termasuk Timbalan Perdana Menteri kita bagi menyelesaikan satu perkara krisis yang agak besar pada setengah-setengah pihak.

Sebagaimana yang kita sedia maklum selepas daripada kita telah meluluskan pindaan Perlembagaan 1983 dahulu dalam bulan Ogos maka keadaan ini timbul yang begitu agak hangat. Pada hemat saya sendiri perkara ini barangkali tidak sepatutnya menjadi satu perkara yang begitu besar akan tetapi boleh jadi adalah pihak-pihak tertentu terutama sekali parti-parti Pembangkang di Malaysia kita ini telah mengambil peluang untuk memperbesarkan perkara ini agar berlaku satu pergaduhan atau satu perselisihan faham timbul di antara Kerajaan dengan Raja-raja di negara kita. Jadi keadaan seperti ini dengan kebijaksanaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bersama-sama dengan perasaan tolak ansur, perasaan dedikasi di antara kedua pihak maka satu penyelesaian telah dicapai dan pada hari ini kita telah membuat pindaan yang baru yang dinamakan pindaan Perlembagaan 1984.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar demokrasi berparlimen dan juga dengan Raja-raja berperlembagaan tentulah kita mengharapkan setiap masa ada hubungan yang rapat, hubungan yang erat di kedua-dua pihak ini. Dan hasrat rakyat jelata memanglah tinggi mengharapkan supaya pemerintahan yang ada sekarang ini dan yang kita amalkan sekarang ini kekal terus-menerus kerana tidak ada sesiapa pun boleh menafikan semenjak kita mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957 sehingga hari ini keadaan negara kita walaupun dalam tahun 1969 ada sedikit berlaku, tetapi keseluruhannya rakyat hidup dengan aman dan damai. Dan saya percaya inspirasi rakyat yang ada di negara kita ini ialah mengharapkan supaya pemerintahan negara kita ini dalam keadaan yang baik dan aman. Kerana rakyat memanglah memberi sokongan dan kepercayaan penuh. Saya katakan di Dewan yang mulia ini kepada UMNO atau Barisan Nasional kerana berkali-kali pilihanraya yang lepas, kita telah mencapai kejayaan sekalipun dalam masa yang dianggap oleh setengah-setengah golongan krisis Perlembagaan tetapi pilihanraya di Sarawak dapat juga Barisan Nasional menguasai negeri Sarawak. Ini tidak syak bahawa keyakinan rakyat kepada kepimpinan yang ada, kepada keadaan, amalan yang diamalkan di negara kita ini memberi faedah dan kebaikan kepada seluruh rakyat di negara kita ini.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi merasakan satu kebanggaan yang tidak dapat saya lahirkan kerana penyelesaiannya masalah ini dan penyelesaian ini terbitnya sebagaimana saya sebut tadi adalah atas hasrat kedua-dua pihak iaitu Kerajaan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja berkehendakkan suatu penyelesaian dan negara ini aman damai.

Dalam hal itu, Tuan Yang Dipertua, saya meminta setelah Dewan Negara yang mulia ini meluluskan pindaan Perlembagaan 1984 pada hari ini, saya berharap semua pihak janganlah ada apa-apa menimbulkan masalah-masalah atau perkara-perkara yang boleh mengeruhkan balik kerana

penyelesaian ini adalah penyelesaian yang sudah diperbincangkan dengan sebijak-bijaknya oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja.

Jadi saya memohon kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja juga supaya perkara ini tidak lagi menjadi apa-apa dan tidak lagi diungkit supaya Perlembagaan ini, Perlembagaan yang kita akan luluskan pada petang ini akan terus berkuatkuasa dan rakyat seluruh negara ini mahupun Parti Pembangkang janganlah cuba menangguk di air keruh lagi, kerana ini akibatnya jika sesuatu perkara yang berlaku akibatnya buruk kepada seluruh rakyat dan seluruh negara kita.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya katakan, saya bagi pihak UMNO menyokong sepenuh-penuhnya Akta (Pindaan) Perlembagaan 1984 yang ada di hadapan kita ini dengan harapan dan doa semoga selepas kita meluluskan Akta ini dan tidak ada sesiapa lagi yang mengeluarkan atau menimbulkan sebagai masalah demi untuk kepentingan negara Malaysia kita ini. Sekian, Terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

3.02 ptg.

Tuan Tan Chang Soong: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1984.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) tahun lalu telah menjadi tumpuan perhatian sejak ianya diluluskan oleh Parlimen beberapa bulan yang lalu. Kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Kerajaan serta Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan kematangan yang ditunjukkan oleh mereka dengan usaha mencari penyelesaian telah membuktikan satu-satunya langkah bijak yang menjadi kebanggaan negara. Sistem Demokrasi Berparlimen berasaskan kepada Raja Berperlembagaan yang telah dipilih dan diamali oleh negara sejak merdeka telah pun diperkukuhkan. Detik sejarah yang telah dialami menunjukkan betapa berkesannya sistem politik yang telah kita terima dan diamalkan.

Tuan Yang Dipertua, banyak pandangan serta teguran telah diutarakan oleh berbagai-bagai pihak baik di dalam mahupun di luar negeri. Jika kita tinjau perkembangan ini dengan teliti kita akan sedar bahawa kita telah menjadi lebih bijak selepas peristiwa ini. Ini adalah kerana sentiasanya memang mudah bagi kita membayangkan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku mencari sebab-sebab berlakunya sesuatu peristiwa itu. Akan tetapi apabila sesuatu peristiwa meningkat keperingkat ini ia hanya menjadi satu perkara kepentingan intelek dan akedemik. Apa yang penting adalah untuk memberi pandangan yang membina terhadap masalah-masalah yang perlu diselesaikan dan tidak untuk salah-menyalahkan mana-mana satu pihak. Jika kita cuba mencari sebab-sebab atas berlakunya satu-satu peristiwa dan menggunakan kenyataan-kenyataan untuk salah-menyalahkan mana-mana pihak ini merupakan satu tindakan yang negatif. Apa yang perlu dibuat adalah untuk bertindak secara berkesan supaya mencari penyelesaian terhadap masalah-masalah yang kita hadapi.

Mujurnya terdapat sifat kenegarawanan yang kukuh di antara pemimpin-pemimpin Kerajaan dan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dalam usaha bersama mereka untuk

mencari penyelesaian terhadap perkara ini. Peristiwa ini telah membuktikan sekali lagi bahawa kita mempunyai cara kemalaysiaan untuk menyelesaikan masalah-masalah. Ini adalah satu unsur dan prinsip yang begitu mustahak yang bukan sahaja telah membawa perpaduan dan kestabilan bahkan juga satu unsur yang mustahak bagi menentukan kemajuan untuk negara ini.

Tuan Yang Dipertua, kejayaan sistem politik negara kita memerlukan persefahaman serta kerjasama di antara semua kaum di dalam negara kita. Perlembagaan adalah perundangan yang agong negara kita yang menentukan rangka pentadbiran Kerajaan dan cara negara kita ditadbirkan. Ianya tidak harus merupakan satu perundangan untuk menjejaskan kemajuan negara kita. Dengan yang demikian Perlembagaan perlulah menjadi satu perundangan yang perlu diubahsuaikan supaya menunaikan kehendak-kehendak semasa. Walau bagaimanapun asal sesebuah negara yang berbilang kaum dan bangsa dan yang mempunyai unsur-unsur kebudayaan yang luas seperti negara Malaysia, semangat proviso-proviso asal perlu dikekalkan.

Tuan Yang Dipertua, kita telah mengamalkan sistem politik ini sejak merdeka. Sistem Demokrasi Berparlimen berasaskan kepada Raja Berperlembagaan ini telah kekal menjadi satu ciri penting masyarakat kita. Kelemahan-kelemahan Perlembagaan yang boleh menyebabkan kesusahan perlu diperbetulkan supaya salah faham terhadap tujuan-tujuan proviso-proviso tertentu tidak timbul. Memandangkan bahawa negara kita hanya 26 tahun merdeka, masih terdapat lagi berbagai-bagai bidang di mana kita perlu memajukan sejajar dengan tradisi-tradisi kita. Begitu juga terhadap demokrasi berparlimen berasaskan kepada Raja Berperlembagaan. Kejayaan sistem ini masih terpulang kepada rakyat negara ini untuk memperkukuhkan lagi sistem ini dan supaya Raja Berperlembagaan dapat memainkan peranan mereka.

Tuan Yang Dipertua, saya pernah menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita perlu menanamkan sifat bekerjasama serta tolong menolong, dengan izin, doctrine of reciprocity di antara rakyat. Saya percaya peristiwa ini telah menunjukkan sekali lagi bahawa unsur-unsur ini adalah begitu mustahak supaya kita dapat menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini bagi pihak MCA saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984. Terima kasih.

3.08 ptg.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang Dipertua, bagi pihak MIC, saya sukacita dan bangga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini untuk meminda Perlembagaan.

Pada hari ini setiap rakyat Malaysia harus merasa bangga terhadap sistem Kerajaan kita. Setiap negara menghadapi berbagai-bagai krisis dalam proses perkembangan dan pembangunannya. Keagongan satu-satu negara hanya dapat dilihat dalam proses bagaimana negara itu menghadapi dan menyelesaikan krisis-krisis tersebut.

Pindaan-pindaan dalam Perlembagaan kita baru-baru ini telah mencetuskan satu perdebatan yang extensive dan intensive di seluruh negara. Para pemerhati politik telah meramalkan kehancuran negara, malahan harga saham-saham pun telah

turun. Setengah-setengah pemerhati pula telah meramalkan bahawa negara akan menghadapi masalah yang serius akibat isu ini, tetapi mereka ini mempunyai satu tafsiran yang rendah terhadap semangat negara Malaysia. Kita Rakyat Malaysia telah memperkembangkan satu cara yang unik dalam proses perundingan dan compromi. Cara bagaimana isu pindaan Perlembagaan ini diselesaikan jelas menggambarkan kematangan, kearifan serta kebijaksanaan para pemimpin Kerajaan dan juga Raja-Raja.

Dalam meluluskan pindaan yang dicadangkan pada hari ini setiap pihak harus menyedari satu faktor yang penting, iaitu tidak ada pihak yang kalah atau yang menang dalam perkembangan ini, tiada juga golongan atau bahagian yang menang atau kalah. Kemenangan yang jelas dan benar ialah kemenangan negara secara keseluruhannya, iaitu Kerajaan, Raja-Raja dan rakyat di mana mereka dapat menjelas dan memutuskan peranan Raja-Raja dalam proses perundangan. Ini telah dibuat tanpa mengubah kuasa dan keistimewaan para Raja-raja. Dengan demikian, tidak ada lagi sebarang keraguan dan konflik dalam hubungan dengan Kerajaan, Parlimen dan Raja-Raja.

Saya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan Kabinet yang telah menggunakan satu sikap yang tenang dan tenteram dalam proses menghadapi perkara ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada para Raja-Raja yang telah membawa kemuliaan kepada proses perundingan.

Kontroversi yang timbul akibat pindaan ini telah membawa tumpuan mereka terhadap peranan rakyat. Mereka telah menunjukkan kefahaman yang mendalam mereka dalam Kerajaan yang dipilih. Mereka telah menunjukkan dengan penuh keyakinan bahawa mereka akan berdiri teguh di belakang sebarang keputusan yang adil yang dibuat oleh para perwakilan mereka dan bukan sebagai pihak yang tidak menunjukkan sebarang minat. Perkara ini harus menjadi sumber kekuatan dan keyakinan kepada para pemimpin kita dalam Kerajaan. Ini seharusnya menyedarkan mereka secara mendalam terhadap kuasa dan menguatkan mereka dalam menggunakannya bagi kepentingan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh dengan penuh kesedihan satu aspek yang lain. Seorang bekas Ahli Parlimen yang menulis dalam suratkhabar tempatan telah mengkritikkan para perwakilan kita bahawa mereka tidak berhati-hati dalam hal pindaan ini, malah beliau telah mensifatkan Dewan Negara sebagai "rubber stamp" yang tidak mempunyai pendirian sendiri. Ini semua merupakan statement-statement yang tidak benar dan tidak adil. Negara kita adalah negara yang bebas dan saya sendiri akan menyokong dengan nyawa saya bahawa setiap rakyat mempunyai hak bagi menyuarakan pendapat mereka yang jujur, tetapi saya berharap mereka yang menulis pendapat-pendapat mereka tidak akan membuat statement yang melulu. Nampaknya penulis ini menganggap bahawa oleh kerana Rang Undang-undang selalu diluluskan oleh Dewan Senate, maka proses ini adalah otomatik, tetapi beliau gagal melihat bahawa sumbangan yang jelas dibuat oleh Dewan Senate adalah melalui komen-komen positif yang diberikan apabila Rang Undang-undang dibentangkan kepadanya. Kemudian terpulanglah kepada Kerajaan yang akan menimbangkan sama ada ingin menerima komen-komen dan cadangan-cadangan ini. Dewan Senate

tidak seharusnya dipersalahkan jika sumbangannya tidak diterima. Saya ingin menjemput penulis ini untuk menghadiri sidang Dewan Negara atau membaca *Hansard* supaya beliau dapat menghargai usaha Dewan Negara.

Tetapi dalam satu aspek yang saya ingin komen berkenaan status Dewan Negara. Sumbangan Dewan Negara kepada proses perundangan bergantung secara meluas kepada kepentingan yang diberi oleh Kerajaan yang memerintah kepada Dewan Negara. Pada hari ini ahli-ahli yang terdiri daripada profesional mewakili golongan minority dan berkepentingan sedang bertambah dalam Dewan Negara. Taraf perdebatan juga telah meningkat dari hanya berdebat sahaja kepada komen-komen yang lebih positif. Kerajaan harus mempastikan bahawa media massa melaporkan segala perkara yang dibincangkan dalam Dewan Senate dengan mendalam, malah beberapa suratkhabar memberi ruangan yang lebih kecil bagi perbincangan-perbincangan Dewan Negara daripada apa yang diberi kepada Dewan Perundangan Negeri-negeri. Media Kerajaan harus melaporkan dengan sepatutnya pendapat-pendapat para elits Dewan Negara, terutama sekali apabila mereka menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap beberapa aspek Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan Negara. Jika perkara ini dijalankan, maka rakyat sudah tentu tidak akan melihat bahawa Dewan Negara merupakan satu "rubber stamp", tetapi sebahagian daripada proses perundangan yang bermakna.

Tuan Yang Dipertua, pada kesimpulannya saya berpendapat kontroversi yang timbul baru-baru ini telah merupakan perhatian dengan positif dari segala aspek proses perundangan dan negara secara keseluruhannya telah menerima faedah daripadanya. Pindaan yang dibentangkan pada hari ini menggambarkan kebolehan negara kita dalam proses menyelesaikan masalah-masalah yang kritikel dengan cara aman dan demokratik. Dengan pengertian ini saya berasa gembira untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

3.18 ptg.

Tuan Alexander Y. L. Lee: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan), 1984 yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Pertama sekali saya ingin menyokong sepenuhnya ucapan-ucapan yang telah dibuat oleh rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini dan juga dalam Dewan Rakyat semalam, khususnya kata-kata yang ditutur oleh Yang Berhormat Dato Paul Leong, Timbalan Presiden Parti Gerakan dan Menteri Perusahaan Utama di Dewan Rakyat petang semalam.

Tuan Yang Dipertua, kita semua merasa amat lega bahawa masalah-masalah yang timbul berkenaan dengan Akta Perlembagaan (Pindaan), 1983 kini telah diselesaikan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menyelesaikan perkara ini secara Malaysia atau, dengan izin, the Malaysian way. Terdapat ramai orang yang telah mengkritik terhadap cara perkara ini diuruskan, tetapi seseorang itu harus sedar bahawa masalah yang timbul adalah satu masalah yang pelik dari segi konteks Malaysia dan mesti difahami latar belakang negara Malaysia, terutamanya terhadap perasaan sensitif kaum Melayu. Malah saya

merasa hairan bahawa ada pengkritik-pengkritik yang merupakan warganegara Malaysia yang ternama yang tidak memahami masalah ini.

Cara bagaimana masalah ini diselesaikan menunjukkan dengan jelas cara bagaimana masalah-masalah negara Malaysia diselesaikan, iaitu melalui persetujuan semua dan pertimbangan (consultation and consensus) dari semua pihak-pihak yang berkenaan. Ini adalah cara bagaimana Barisan Nasional telah menyelesaikan masalah-masalah mereka dan saya tidak ragu-ragu bahawa walaupun UMNO memulakan langkah dalam menyelesaikan masalah ini, ia selalu meminta nasihat dari rakan-rakan Barisan yang lain merasa pasti bahawa rakan-rakan Barisan yang lain tidak gentar langkah-langkah yang sedang diambil oleh UMNO melalui Kabinet.

Tuan Yang Dipertua, cara bagaimana masalah ini diselesaikan juga menunjukkan kematangan sistem demokratik kita yang telah membuatkan seluruh negara sedar tentang kedudukan Perlembagaan Parlimen dan kuasa electorate dan ia telah juga membuat seluruh negara sedar tentang peranan Raja Perlembagaan dalam sistem Demokrasi Berparlimen.

Selesainya perkara ini dengan begitu awal di dalam sejarah negara kita yang hanya sedang menyambut tahun ke-27 kemerdekaan tahun ini memberi petanda baik masa depan negara. Terdapat banyak negara-negara lain dalam dunia yang juga mempunyai sistem demokrasi berparlimen dengan Raja Berperlembagaan yang melalui pengalaman-pengalaman yang pedih di antara Raja dan Parlimen sebelum bersetuju terhadap hubungan yang harmoni antara Raja dan Parlimen. Malah dalam beberapa negara ia mengambil masa beberapa abad untuk tiba kekeadaannya sekarang.

Di Britain contohnya kali terakhir Raja enggan menyetujui satu Rang Undang-undang adalah dalam tahun 1704 tetapi kini kedudukannya di mana persetujuan Raja hanya merupakan satu adat rasmi malah rang undang-undang yang diluluskan di House of Lords tidak pun dihantar kepada pihak Permaisuri dan pihak Permaisuri mempunyai tiga orang perwakilan dalam House of Lords itu yang hanya mengangguk setelah sesuatu rang undang-undang itu diluluskan oleh House of Lords itu dan anggukan ini menandakan persetujuan Diraja. Saya berharap dan merasa yakin bahawa hubungan antara pihak Raja dan Parlimen akan terus licin dan walaupun terdapat peruntukan-peruntukan yang teliti di dalam pindaan Rang Undang-undang terhadap peranan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di bawah pindaan kepada Artikel 66, saya pasti tidak ada masalah yang timbul mengenai persetujuan Diraja dan seperti di Britain persetujuan Di Raja akan hanya menjadi satu adat rasmi sahaja.

Masalah ini telah juga menimbulkan kenyataan bahawa semua pihak bersetuju sepenuhnya menyokong konsep Perlembagaan beraja dan kehormatan yang diberi kepada pihak Di Raja telah berurat, berakar di kalangan rakyat. Pada masa yang sama telah dipertunjuk bahawa pihak Diraja telah dengan sepenuhnya menerima keunggulan Parlimen yang mewakili rakyat dan sedar sepenuhnya peranan mereka dalam Perlembagaan sebagai Raja berperlembagaan. Saya harap generasi-generasi yang akan datang akan terus sedar tentang rasa hormat yang saling di antara rakyat, Parlimen dan pihak Di Raja dan saya memikirkan sama ada akan terdapat waktu yang lain di mana Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong akan meminta hak Baginda untuk kembali kepada Rang Undang-undang selain dari Undang-undang Kewangan

kepada Parlimen di bawah pindaan peruntukan-peruntukan Artikel 66.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali saya ingin sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini dan dengan demikian mengulang kembali sokongan penuh Parti Gerakan Malaysia terhadap Kerajaan di dalam usaha mereka untuk memelihara sistem demokrasi Parlimen dan Perlembagaan yang ada. Pindaan-pindaan kepada Artikel 66 akan mendekatkan Duli Yang Maha Mulia kepada Parlimen. Ini sepatutnya kerana dalam sesuatu sistem Perlembagaan Beraja, Raja adalah sebahagian dari proses Parlimen menggubal undang-undang. Terima kasih.

3.25 ptg.

Tan Sri C. Selvarajah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984.

Sebelum saya buat ulasan am mengenai Bil ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita atas keberanian dan kebijaksanaannya dalam hal menyelesaikan isu yang mengancam hendak membelah-bahagikan rakyat dan menggugat pembangunan dan kemajuan negara kita. Isu ini, seperti biasa, telah dieksploitasi oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab di kalangan akhbar, bagi tujuan tertentu mereka sendiri. Saya berasa syukur bahawa akhbar-akhbar tersebut telah tidak berjaya sangat merosakkan keadaan. Saya harap, dengan Bil ini diluluskan hari ini, kita akan dapat meneruskan tugas kita untuk membina negara, apa lagi dalam keadaan ekonomi yang masih merosot. Saya berdoa bahawa kita, yang terlibat dalam isu yang menyedihkan ini, iaitu semua warganegara Malaysia, tidak akan terpesong dari usaha mencapai cita-cita negara kita.

Sebagai seorang peguam tetapi bukan loyar buruk, dan setelah mengkaji Perlembagaan Malaysia bertahun-tahun lamanya, saya berpendapat bahawa pindaan dalam Bil hari ini sebenarnya tidak perlu. Kebanyakan peguam, jika tidak kesemuanya, termasuk loyar buruk, tentu bersetuju dengan pendapat ini. Kerajaan tidak perlu merasa runsing jika ada peguam yang tidak bersetuju dengan pendapat ini. Maklum sahajalah, doktor-doktor juga tidak selalunya bersetuju dengan ubat yang diberi oleh doktor lain, sama ada doktor itu seorang specialist atau dukun ataupun doktor yang menjadi Perdana Menteri.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon maaf kerana berseloroh sedikit. Sebenarnya, pada pengetahuan saya, tujuan Bil ini ialah untuk menjelas dan mengingatkan kita bahawa Perlembagaan kita, iaitu undang-undang yang unggul sekali di negara kita, adalah berkonsepkan demokrasi berparlimen. Bapa merdeka kita, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 15hb Ogos, 1957 ketika Bil Perlembagaan dibaca pada kali yang kedua telah berkata demikian:

> "Hendaklah diingat bahawa kebebasan yang kita cita-citakan ialah kebebasan memerintah diri kita sendiri di bawah satu sistem institusi berparlimen yang menjulang kehendak rakyat semata-mata".

Begitu juga, pengisytiharan merdeka yang dibacakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku pada 31hb Ogos, 1957 di Stadium Merdeka menyatakan: "Perlembagaan kita ada peruntukan bagi memajukan Persekutuan Tanah Melayu secara aman dan teratur sebagai sebuah Kerajaan beraja dan berperlembagaan, berdasarkan demokrasi berparlimen". Namun, dalam kejadian beberapa bulan lalu,

kita tentu sedar bahawa bukan semua orang dalam negara kita faham sungguh akan isi kandungan Perlembagaan kita. Oleh itu, setelah saya menyertai Dewan ini sejenak masa, maka saya terpaksa tunduk kepada kebijaksanaan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan kesedaran bahawa Kerajaan perlu menerangkan isu-isu yang timbul untuk menjauhkan kejadian yang tidak diingini dari berulang di masa hadapan.

Saya juga sedar bahawa apa yang ditujukan oleh Kerajaan dalam Bil pindaan ini tidak akan menjejas kebesaran, keutamaan, taraf kedudukan, atau kuasa yang ada pada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja kita. Bil ini hanya menjelaskan kuasa dan kewajipan Baginda di bawah Perlembagaan Malaysia. Malahan suka saya tambah kata bahawa Bil ini akan meluaskan lagi bidang kuasa Raja-raja di bawah Perlembagaan Malaysia.

Saya percaya pindaan ini dibuat oleh kerana taat setia Kerajaan yang menghormati dan menyanjung tinggi kedudukan Raja-raja dalam negara kita, sambil mengukuhkan lagi kedudukan Negara Beraja dan Berperlembagaan.

Saya pernah dengar kata-kata bahawa kita tidak diberi masa yang cukup untuk membahaskan Bil ini. Saya sangkal pendapat ini. Dalam lima, enam bulan yang lalu, semua kita di Malaysia telah membincangkan hal ini. Pada pendapat saya, cukuplah. Lebih cepat kita luluskan Bil ini, lebih baik, supaya kita boleh tumpukan perhatian kita kepada kerja membina negara kita. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

3.32 ptg.

Tuan Paramjit Singh: Tuan Yang Dipertua, saya bangun di sini untuk memberi sokongan dari parti PPP di atas pindaan Perlembagaan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana membentangkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini menandakan hari yang paling istimewa dalam sejarah negara kita.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri Malaysia kerana menyelesaikan isu ini. Pada pandangan saya Perdana Menteri kita adalah seorang dengan izin, a great statesman dan juga seorang yang sangat dihormati. Penyelesaian isu ini juga menunjukkan kematangan sistem politik kita.

Tuan Yang Dipertua, pindaan Rang Undang-undang ini juga menerangkan kedudukan dengan lebih terang. Pindaan ini adalah sangat mustahak untuk menjalankan jentera Kerajaan dengan lebih teratur. Pindaan ini juga menunjukkan konsep, dengan izin Constitutional Monarchy and Parliamentary Democracy. Ia juga membezakan pembahagian kuasa di antara Parlimen dan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Raja-raja kita kerana kebijaksanaan yang telah mereka tunjukkan dalam menyelesaikan isu ini.

Tuan Yang Dipertua, saya sungguh yakin bahawa meminda Perlembagaan akan disambut oleh semua rakyat Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato Haji Mohamed bin Nasir.

3.35 ptg.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan pada petang ini terutama sekali untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk berucap sepatah dua dalam Majlis yang mulia ini berhubung dengan suatu Akta pindaan Perlembagaan yang telah dibincangkan dalam Dewan Rakyat semalam dan diluluskan dan dibawa kemari untuk dibincangkan lagi oleh Dewan Negara pada petang ini.

Saya berdiri di sini atas nama Ahli Dewan Negara dari Parti Berjasa dan saya suka menyatakan dalam Majlis ini bahawa parti saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya pindaan Undang-undang yang telah dibincangkan dan diluluskan itu.

Saya suka menyatakan bahawa marilah kita bersama bersyukur kepada Allah Subhanahuwataala yang telah memberi hidayah dan pimpinan kepada khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir yang telah menyelesaikan masalah ini dengan sebaik-baiknya.

Dalam perbincangan pihak Kerajaan dengan Duli-duli Yang Maha Mulia berkenaan dengan pindaan Undang-undang ini, saya percaya banyak masalah telah diselesaikan dan perbincangan itu telah dilakukan dengan sungguh-sungguh yang mana ini menuju satu hikmat semangat Perlembagaan (Constitution) yang ada dalam negara kita ini.

Di atas pada itu nampaknya perbincangan ini telah dilaksanakan dengan semasak-masaknya dan ini juga menyetujui satu hikmat dari Undang-undang Samawi, the law of the Heavens yang telah mengikat pemimpin-pemimpin dalam sesuatu masalah yang hendak dibincangkan mestilah dengan sabar dan fikiran dan pandangan yang jauh. Dan ini ternyata pohon izin, Tuan Yang Dipertua, Amruhum syura bainahum. Ertinya, perbincangan mereka itu hendaklah dilakukan dengan perbincangan yang mendalam di antara pemimpin-pemimpin. Jadi nyatalah hasil daripada perbincangan di antara Duli-duli Yang Maha Mulia atau pemimpin-pemimpin kita khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melahirkan suatu hak, suatu kebenaran, yang kita harus menyedari bahawa setiap kebenaran mempunyai satu base yang kuat dan akan maju terus-menerus.

Dalam pindaan mana-mana Perlembagaan di mana-mana negara dalam dunia ini, haruslah merupakan suatu perkara yang penting dan bila negara sudah berkembang maju dalam satu proses perkembangan dalam dunia ini, Perlembagaan itu tidak stagnant dan Perlembagaan itu mesti diubah dan mesti disesuaikan dengan kehendak perkembangan dan proses perkembangan negara dan rakyat sesuatu negara, maka nyatalah bahawa dengan kita menyaksi sendiri semenjak kita merdeka, sudah 27 tahun, saya rasa inilah suatu pindaan Undang-undang yang mempunyai historical event, suatu perubahan sejarah yang kita harap akan memberi kesan yang baik kepada generasi kita yang akan datang.

Saya tidak mahu menafikan bahawa sungguhpun kita pinda Undang-undang ini dalam tahun 1984 ini, mungkin 50 tahun yang akan datang Perlembagaan ini perlu kepada suatu pindaan yang lain pula kerana keadaan pada masa itu sudah berubah, dan perkembangan generasi dan

manusia pada masa itu sudah berubah, dan kehendak manusia pada masa itu sudah berubah.

Saya suka menyatakan, Tuan Yang Dipertua, bapa demokrasi dalam dunia ini iaitu England, walaupun adalah sebuah negara demokrasi, tetapi Perlembagaannya tidak bertulis, tidak dimaktubkan. Kita bersyukur kehadrat Allah Subhanahuwataala, kita sudah membuat satu keputusan yang bijak, yakni Constitution dalam negara kita ini dimaktubkan dan ditulis dari Fasal kepada satu Fasal. Ini memberi suatu guidance, suatu panduan kepada negara ini untuk meminda. Kalau Fasal itu sudah elok, sudah complete, sudah cukup, kita kukuhkan. Kalau mana-mana Fasal itu nampak tidak begitu kuat, tidak begitu established daripada semangat Undang-undangnya, kita harus pinda Perlembagaan itu.

Saya rasa dalam pindaan Undang-undang ini yang menyebabkan sedikit kekeliruan di antara Raja-raja oleh sebab mungkin barangkali Raja-raja atau Duli-duli Yang Maha Mulia mendapat nasihat yang tidak begitu tepat. Oleh yang demikian, telah menimbulkan sesuatu yang tidak diingini.

Kita bersyukur atas kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita iaitu khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang tegas dalam menghadapi masalah-masalah yang berlaku dalam negara ini dan Kabinet yang telah mengambil keputusan yang muktamad dan memberi mandat yang kuat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah ini. Malangnya saya tidak ada lagi dalam Kabinet, kalau tidak tentulah saya juga dapat memberikan sedikit sumbangan dari segi "Law of the Heavens" mengenai dengan perubahan dan pindaan Rang Undang-undang ini.

Kita bersyukurlah dan khususnya parti saya sendiri iaitu Parti Berjasa yang telah mengikuti perkembangan, perubahan dan krisis-krisis yang berlaku dalam negara kita ini yang telah membuat satu keputusan, walaupun saya tidak lagi menjadi Presiden Berjasa, tetapi saya masih lagi Penasihat kepada Parti Berjasa, kami telah membuat satu tindakan dan anggapan yang baik yang menyatakan bahawa Parti Berjasa menyokong sepenuhnya pindaan Perlembagaan ini. Dan orang-orang Berjasa tidak dapat dipengaruhi oleh parti-parti lain, oleh musuh-musuh politik yang cuba hendak menangguk di air yang keruh ini.

Saya tidaklah hendak berucap panjang di sini kerana apa yang telah dibincangkan lebih kurang jam 7 semalam dalam Dewan Parlimen (Dewan Rakyat) sudah cukup, sudah memadai bagi rakyat seluruh negara kita memahami tujuan-tujuan kita dan hikmat pindaan Perlembagaan ini. Dan saya percaya juga bahawa Duli-duli Yang Maha Mulia telah dapat memahami dengan baik dan kita harap, khususnya kami Ahli Dewan Negara, berharap bahawa Duli-duli Yang Maha Mulia akan dapat memainkan peranan yang penting di dalam mengendalikan negara kita ini supaya negara kita ini sentiasa aman, maju dan selamat daripada sesuatu yang tidak diingini.

Pada akhirnya sukalah saya menyentuh sedikit, pohon izin, Tuan Yang Dipertua, mengenai "clarification" yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu ada tiga perkara di sini bagi seseorang atau sesuatu kumpulan menegur, membolehkan seseorang menegur Duli-duli Yang Maha Mulia. Syaratnya teguran itu tidak menyentuh kesucian dan keperibadian

Duli-duli Yang Maha Mulia. Pertamanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan:

(1) To show that any Ruler has been misled or mistaken in any of his measures.

(2) To point out errors or defects in any Government or Constitution.....with a view to the remedying errors or defects.

(3) To persuade the subjects of any Ruler or the inhabitants of any territory governed by any Government to attempt to procure by lawful means the alteration of any matter in the territory....."

Ketiga-tiga perkara ini, Tuan Yang Dipertua, kalau dikaji secara mendalam tidak didapati unsur-unsur seditious yakni unsur-unsur yang boleh menimbulkan perkara-perkara yang tidak diingini dan teguran seumpama ini boleh dilakukan oleh mana-mana pihak, oleh rakyat dan Kerajaan dan sesiapa juga kerana ini akan memberi satu kesan yang baik kepada negara dan kepada Kerajaan dan dari semangat "Islamic Jurisprudence" ketiga-tiga perkara ini tidak bercanggah dengan kehendak agama Islam itu sendiri dan hanya apa yang dilarang oleh Islam tak boleh ditimbulkan huru hara dan menimbulkan sesuatu ancaman dalam negara, di mana Tuhan telah terangkan di dalam Al-Quran: La-tufsidu fil-ardhi ba'da islahiha. Maksud jangan kamu melakukan kerosakan di atas muka bumi sesudah keadaan aman wujud dalam sesebuah negara. (Do not do any damage or destruction on the Earth when harmony is being established).

Jadi nyatalah apa pendapat yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam penerangan berkenaan dengan seditious law tidak menyentuh undang-undang, tidak menyentuh Perlembagaan dan juga tidak menyentuh undang-undang Islam itu sendiri.

Pada akhirnya saya mengambil kesempatan pada petang ini untuk menyokong dengan sepenuh-penuhnya pindaan undang-undang yang dibahaskan pada petang ini. Terima kasih.

3.48 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang Dipertua, saya bagi pihak Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) menyokong sepenuhnya satu Akta untuk meminda Perlembagaan (Pindaan) 1984 yang dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini sekarang.

Saya juga bersetuju dengan apa yang telah dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang ini baru sebentar tadi dan saya mengambil peluang di sini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional Pusat dan Perdana Menteri serta pihak yang berkenaan atau soal pindaan Perlembagaan yang menjadi perhatian rakyat jelata telah dapat diatasi dengan memuaskan semua pihak bagi menjamin sistem demokrasi berparlimen berkekalan dan menghormati serta tidak menjejaskan kedudukan Raja Berperlembagaan.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya untuk bercakap sepatah dua kata lagi. Sebagai seorang rakyat daripada negeri yang baru merdeka selama 20 tahun dalam Malaysia, berasaskan Perlembagaan, maka kami rakyat negeri Sarawak selama tempoh masa 20 tahun telah berasa begitu bangga atas segala sesuatu yang kami telah menikmati di bidang pembangunan.

Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, negeri Sarawak selama lebih dari 100 tahun diperintah oleh Bekas

seorang pengembara keluarga Brooke yang bergelar Raja Sarawak yang datang dari tempat yang begitu jauh dan selepas itu pula diperintah oleh tentera Jepun. Apabila tentera Jepun menyerah kalah di dalam Peperangan Dunia Yang Kedua di rantau ini, maka sekali lagi negeri Sarawak dijajah oleh penjajah koloni. Di masa penjajahan koloni memerintah rakyat negeri Sarawak telah sedar dan bangun bergerak serta menubuhkan parti politik bagi memperjuangkan keadilan untuk menuntut kemerdekaan kerana tidak sabar lagi diperbudak oleh penjajah. Dengan adanya kerjasama yang erat di antara pemimpin-pemimpin negeri Sarawak waktu itu dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat maka cita-cita rakyat Sarawak untuk Mereka dalam Malaysia, berjaya. Dari itu kami tidak lupa atas segala perjuangan dan pengorbanan yang tidak mengira penat lelah oleh pemimpin-pemimpin berkenaan kepada rakyat dan Negeri Sarawak. Kami tidak dapat mencari perkataan yang lebih berharga lagi untuk membayar jasa dan pengorbanan mereka ini, selain daripada mengucapkan syukur Alhamdulillah kepada Allah s.w.t. dan setinggi-tinggi terima kasih kami di mana rakyat dan Negeri Sarawak terlepas daripada belenggu penjajah.

Negeri Sarawak merdeka dalam Malaysia sudah pasti ada dengan peraturan dan Perlembagaan dibuat oleh manusia biasa yang boleh diubahsuai mengikut keadaan dan zaman di mana perlu difikir oleh Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat yang dipilih oleh rakyat bagi faedah dan kebaikan rakyat seluruhnya. Bagi melicinkan lagi urusan dan tadbiran sebuah Kerajaan yang diamanah oleh rakyat ke arah yang lebih baik lagi dari masa ke semasa.

Dewan yang mulia ini juga pernah beberapa kali telah meminda Perlembagaan Persekutuan oleh beberapa orang Perdana Menteri yang telah lalu semata-mata untuk kebaikan rakyat dan negara seluruhnya. Saya tidak nampak segala pindaan kepada Perlembagaan dibuat dengan sewenang-wenang sahaja atau mengikut sesuka hati pemimpin-pemimpin sahaja, sudah pasti perkara-perkara seperti ini dibuat dengan cukup teliti sebelum dibawa ke Dewan Parlimen untuk dibahas dan diluluskan.

Saya tidak bersetuju atas pandangan dan pendapat sama ada di dalam mahupun di luar Dewan Parlimen yang membangkang Pindaan Perlembagaan seperti yang dibahas sekarang ini. Walaupun demikian mereka ini terdiri daripada golongan yang kecil sahaja. Dan memang diketahui mereka ini suka membangkang apa sahaja yang dibuat oleh Kerajaan walaupun untuk faedah dan kebaikan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua, pada akhirnya sekali lagi saya bagi pihak PBB menyokong Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984 ini. Sekian, terima kasih.

3.55 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya sebagai Wakil daripada Parti BERJAYA, Sabah dengan ini bersama-sama dengan rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang iaitu Akta untuk meminda Perlembagaan 1984.

Tuan Yang Dipertua, dalam sidang khas pada hari ini saya inginlah menyampaikan setinggi-tinggi tahniah terutama sekali ke atas usaha gigih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah dapat menyelesaikan krisis Perlembagaan yang mana telah menjadi buah mulut mahupun menjadi paparan di dalam

akhbar-akhbar tempatan yang mana sehingga ahli-ahli politik di negara ini menjadi pusat pertanyaan mengenai sengketa Perlembagaan yang telah dialami dalam beberapa bulan yang lalu. Maka dengan itu setinggi-tinggi penghargaan yang patut kita limpahkan kepada pucuk pimpinan negara ini yang telah dapat membawa kembali Perlembagaan kita berjalan menurut lunas-lunas Sistem Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen yang mana adalah sistem pemerintahan negara kita yang telah dipilih pada mulanya oleh rakyat Malaysia bila mana mula-mula kita mencapai kemerdekaan. Maka inilah sistem yang telah didokong oleh Rakyat Malaysia. Maka sistem inilah juga dipertahankan oleh pucuk pimpinan kita maka sehingga kita dapat mempertahankan maruah kedua-dua Dewan Perundangan negara ini, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Maka dengan itu, Tuan Yang Dipertua, keseluruhan rakyat khasnya rakyat di negeri Sabah adalah menyambut baik atas jalan keluar yang telah dapat dibawa oleh pucuk pimpinan kita dalam krisis Perlembagaan yang telah berlalu. Maka dengan demikian Tuan Yang Dipertua, peristiwa ini telah berlalu, maka ianya telah menempuh satu era baru untuk kita menunjukkan kematangan di antara Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu dalam mencari satu penyelesaian dan juga pucuk pimpinan Kerajaan kita terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu menitikberatkan dalam mencari penyelesaian ini. Walaupun terdapat beberapa golongan-golongan yang kecil bilangannya di negara ini ingin melihat penyelesaian ini mencapai kebuntuan. Demikian juga majallah-majallah di luar negeri telah banyak memutarbelitkan, mengelirukan mengenai Perlembagaan negara ini. Maka seolah-olah mereka itu adalah orang yang lebih arif dalam Perlembagaan negara kita.

Maka dengan ini, Tuan Yang Dipertua, kita telah dapat membuktikan bahawa kita telah dapat mempertahankan Perlembagaan ini berjalan dengan baik sebagaimana ianya adalah sebagai satu badan pelindung ataupun tiang negara atau pillars of the nation di Malaysia ini telah dapat kita dokong bersama dan kita pertahankan demi kepentingan kedua-dua belah pihak. Kepada dasar Raja Berperlembagaan dan dasar Kerajaan Demokrasi berparlimen. Maka dengan adanya kedua-dua ini maka pillars of the nation kita tetap kita pertahankan.

Maka sebagai satu lambang payung negara Perlembagaan inilah yang satu-satunya menjamin kesejahteraan rakyat maka orang yang paling kita berikan penghormatan tidak lain tidak bukan saya ingin mengulangi ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang begitu berani berterus-terang menjelaskan satu persatunya kepada rakyat walaupun terdapat beberapa rapat-rapat umum di negara ini, namun demikian ianya adalah datangnya daripada sokongan rakyat. Tanpa rakyat memberi sokongan sudah tentu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak dapat menjelaskan kepada sesiapa pun.

Maka dengan itu, saya tidak akan mengambil masa yang begitu panjang selain daripada mengharapkan Pindaan Perlembagaan ini adalah satu-satunya pindaan yang akan menjamin pada masa-masa akan datang dan sekiranya terdapat kekeliruan dalam mentakrifkan undang-undang ini saya fikir pucuk pimpinan kita pada masa-masa akan datang akan lebih berhati dan akan lebih menjadi arif dalam Perlembagaan negara ini.

Maka inilah bagi pendapat saya yang ulung-ulung kali soal Perlembagaan ini telah dapat menarik perhatian besar di seluruh rakyat termasuk daripada segala suku-suku kaum dan keturunan yang inginkan dan melihat bahawa Pindaan Perlembagaan ini dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya sepertimana yang kita berada di dalam Dewan hari ini ialah sebagai satu hari yang muktamad menentukan bahawa Perlembagaan ini akan diterima dan akan diluluskan dalam Dewan ini sebagai sokongan penuh kita kepada Yang Amat Berhormat yang membawa kembali pindaan ini kepada kedua-dua Dewan Perundangan Negeri ini.

Maka dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya tidak berpanjang lebar selain daripada memberikan sedikit pandangan bahawa kedua-dua hubungan kasih rakyat kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu dan juga sokongan kepada pucuk pimpinan negara ini akan terus diberikan oleh segala lapisan rakyat di Malaysia.

Maka dengan itu, Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya bagi pihak daripada Parti BERJAYA dan rakyat Sabah keseluruhannya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini.

4.00 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang Dipertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Sidang Khas hari ini. Pembentangan pindaan ini dalam Sidang Khas hari ini menunjukkan betapa penting dan mustahaknya isu pindaan Perlembagaan seharusnya diselesaikan semua sekali (once and for all). Ini menunjukkan perjanjian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Duli Yang Maha Mulia Raja-raja tempoh hari dapat ditunaikan dengan begitu segera agar menjaga kedaulatan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan di negara ini. Pembentangan pindaan ini juga menunjukkan kematangan politik pemimpin-pemimpin negara kita terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang Dipertua, pindaan Perlembagaan ini adalah tepat pada waktunya dan seharusnya hendaklah disokong oleh segenap lapisan rakyat di negara ini. Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan sokongan saya khasnya dan sokongan rakyat keturunan India amnya di Dewan yang mulia kè atas pindaan Perlembagaan. Sepertimana sedia maklum pindaan Perlembagaan yang diluluskan dalam sidang Parlimen Julai/Ogos 1973 dahulu telah menimbulkan begitu banyak publicity dalam massa-media tempatan dan luar negara. Apa yang sangat mendukacitakan ialah laporan-laporan dalam akhbar-akhbar itu kebanyakan tidak begitu mencerminkan kedudukan yang sebenarnya. Akhbar-akhbar luar negara itu cuba menimbulkan suatu keadaan yang menakut-nakutkan rakyat negara ini serta menimbulkan perasaan curiga di kalangan rakyat dengan mengambil kesempatan isu pindaan Perlembagaan itu dengan niat menjatuhkan Kerajaan yang sah ini. Apa yang lebih menyedihkan adalah sebilangan rakyat negara ini juga turut terlibat dalam kempen menjatuhkan Kerajaan dengan cara subversif. Pengkhianat-pengkhianat ini hendaklah kenalpastikan dan tindakan sewajarnya hendaklah diambil tanpa sebarang keraguan. Mereka ini adalah lebih bahaya dari ancaman komunis.

Tuan Yang Dipertua, saya bersyukur isu pindaan Perlembagaan ini dapat diatasi dengan cara yang baik dengan adanya jentera Kerajaan yang amat baik, ancaman-ancaman itu akan dapat diatasi dengan mudahnya. Saya penuh yakin langkah Kerajaan meminda Perlembagaan Persekutuan akan memestikan Pentadbiran Kerajaan berjalan lebih licin dan berkesan. Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan kepercayaan saya kepada institusi Raja Berperlembagaan sebagai sebahagian daripada sistem Kerajaan demokrasi negara ini di mana kehendak rakyat diiktiraf sebagai yang teragung. Dalam konteks ini saya juga ingin merakamkan sembah terima kasih saya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja, Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong serta Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang menunjukkan kematangan serta kesudian Baginda berkenan menandatangani pindaan Perlembagaan 1983 lalu dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan kerana tawaran tolak ansur Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, Perlembagaan sesebuah negara adalah satu dokumen hidup dan terpaksa menjalani aliran perubahan mengikut keadaan dan zaman. Sesebuah Perlembagaan yang statik tanpa perubahan akan ketinggalan zaman dan tidak akan membawa perubahan demi kepentingan rakyat. Sejauh ini selepas negara kita merdeka semua pindaan Perlembagaan adalah dibuat demi kepentingan rakyat setelah meneliti dan mengkaji sedalam-dalamnya. Pindaan Perlembagaan ini pun dibuat demikian agar rakyat menikmati pentadbiran yang selesa. Saya juga menyokong pindaan di mana dalam sesuatu Rang Undang-undang Wang Baginda hendaklah memperkenankan Rang Undang-undang itu dalam tempoh 30 hari. Ini adalah kerana Rang Undang-undang Wang tidak boleh ditolak ansur demi menjaga pentadbiran jentera Kerajaan, tetapi dalam hal sesuatu undang-undang yang bukannya Rang Undang-undang Wang Baginda boleh dalam tempoh 30 hari mengembalikannya kepada Majlis Parlimen di mana dikemukakan pada asalnya dengan suatu pernyataan mengenai sebab-sebab bantahan Baginda. Ini jelas membuktikan Kerajaan juga menjamin menjaga kepentingan dan perasaan Raja-raja di negara ini. Walaupun saya menyokong pindaan Perkara 150 dan Jadual Kedelapan Perlembagaan, saya berpendapat Rang Undang-undang yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 15hb Disember, 1983 adalah lebih sesuai bagi negara ini dan perkara tersebut di atas tetapi dengan adanya persetujuan mulut oleh Raja-raja saya berharap jentera Kerajaan negeri juga tidak akan terganggu.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berusaha bersungguh-sungguh menyelesaikan kebuntuan isu Pindaan Perlembagaan baharu-baharu ini. Tindakan-tindakan Perdana Menteri selama ini dalam menjalankan jentera Kerajaan adalah disanjung tinggi oleh semua lapisan rakyat dan berani saya menyatakan di sini beliau tidak ada kepentingan diri dalam sesuatu usaha Kerajaan negara ini seperti kata beliau kuasa yang ada padanya sudah mencukupi. Saya berharap opportunist tidak akan memutarbelitkan keadaan sebenarnya serta memecah-belahkan dan mengelirukan rakyat agar dapat mereka beruntung sempit seperti memancing dalam air keruh. Saya merayu kepada mereka agar mengenepikan keuntungan sempit itu dalam memandang ke arah perspektif yang lebih positif yang lebih luas lagi.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 ini.

4.10 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang Dipertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengambil masa yang singkat untuk memberikan pandangan dan penghargaan ke atas Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Perlembagaan (Pindaan), 1984 yang ada di hadapan kita ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri kita kerana telah berjaya dapat menyelaraskan dan menyelesaikan pindaan Perlembagaan seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi.

Saya juga menyembahkan ucapan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja kerana telah memperkenankan Rang Undang-undang mengenai kewangan itu diluluskan, dikecualikan daripada pindaan Perlembagaan. Ini menunjukkan Kebawah Duli Raja-raja mempunyai pandangan jauh dan kematangan Baginda iaitu betapa pentingnya masalah kewangan negara harus diselesaikan dengan seberapa segera demi kepentingan negara dan rakyat keseluruhannya.

Tuan yang Dipertua, saya bangun bercakap dalam Dewan yang tinggi dan mulia ini ialah semata-mata untuk menyatakan kegembiraan saya yang amat sangat, bukan Kemenangan sebagai perlawanan tarik tali di antara kedua pihak tetapi ialah sebagai bunga yang kembang hendak kuncup tetapi berkembang semula. Itulah yang membawakan perasaan keriangan bukan sahaja saya dan rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini tetapi juga seluruh lapisan rakyat Malaysia yang ada dalam negara kita ini. Semoga bunga yang kembang harum ini akan berkembang dan segar semula terus menerus dinikmati oleh rakyat di bawah pucuk pimpinan kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dato' Musa sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bagi mengekalkan sistem beraja dan demokrasi berparlimen.

Tuan Yang Dipertua, pindaan Perlembagaan Malaysia yang mengandungi antaranya 3 aspek yang terpenting itu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri telah menerangkan dengan jelas pada awalnya lagi kepada Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional sama ada Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Rakyat/Parlimen dan juga kita Ahli Dewan Negara di Hotel Regent pada 22hb Julai, 1983 yang lalu; telah dijelaskan oleh Perdana Menteri kita dengan panjang lebarnya iaitu kenapa dibuat pindaan Perlembagaan itu dan juga huraian-huraian pindaan tersebut kepada kita. Saya rasa kita semuanya telah cukup jelas dan faham yang mana Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) itu telah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat mendapat sokongan penuh serta diluluskan oleh Dewan Negara dalam persidangan selama 5 hari iaitu dari 8hb hingga 12hb Ogos, 1983 yang lalu bagi ditandatangani oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang Dipertua, kita sebagai insan yang hidup di maya pada ini dan kita ini si baru maka pastilah kita ini mengandungi alpa dan lalai, khilaf dan salah pakaian kita. Walaupun

demikian di atas dasar bersih, cekap dan amanahnya pemimpin kita, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri, maka pindaan Perlembagaan itu dengan izin Tuhan telah dapat juga diselesaikan pada akhirnya.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya teringat satu kisah di zaman Rasullullah s.a.w. semasa hidup dahulu iaitu dengan kebesaran mukjizat Nabi iaitu pada satu hari Baginda Rasullullah s.a.w. berjalan melalui satu wadi yakni gaung di Madinah. Dalam perjalanannya itu Baginda terdengar suara rintihan kijang yang sedang menangis. Baginda pun berjalanlah menghampiri tempat itu, maka didapatinya seekor kijang telah terkena perangkap. Apabila Baginda sampai di situ, kijang itu pun merayulah dan menangis teresak-esak dengan belas kasihannya meminta Baginda melepaskan kerana anaknya masih menyusu lagi. Sekiranya Baginda lepaskan kijang itu akan pulang menyusukan anaknya dan selepas itu akan masuk semula ke dalam perangkap itu. Setelah kijang itu berjanji dengan Nabi, maka Baginda pun membuka perangkap itu dan kijang itu keluar terus berlari pulang mendapatkan anaknya. Jadi kijang itu pun baliklah mendapatkan anaknya serta disusukannyalah anaknya itu dengan sepuas-puasnya. Selepas itu kijang itu pun balik semula masuk ke dalam perangkap di mana Baginda Nabi Muhammad Rasullullah s.a.w. sedang menunggu di situ. Setelah kijang itu masuk ke dalam perangkap tadi kebetulan orang Arab yang mempunyai perangkap itu datang melihat perangkapnya. Maka Junjungan kita Nabi Muhammad pun menceritakan peristiwa itu bagaimana ia menjumpai kijang itu dalam perangkap serta dengan tangis kijang itu meminta ia dilepaskan kerana anaknya kecil yang sedang menyusu serta ia berjanji masuk semula ke dalam perangkap ini. Maka dengan perjanjian amanahnya kijang itu kepada Nabi maka orang Arab itu pun fikir lalu ia membuka perangkap dan melepaskan kijang itu semula seperti biasa.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, dengan sepotongan cerita kisah Nabi melepaskan kijang dalam perangkap itu pada pendapat saya pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita ini, telah membuktikan lagi kepada rakyat sebahagian daripada contoh-contoh kepimpinannya yang beliau itu menunaikan amanahnya, menepati janji Kerajaan dengan pihak Raja-raja kita pada 15hb Disember, 1983 yang lalu untuk menyelesaikan pindaan Perlembagaan itu dibincangkan semula ke dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara seperti yang telah kita laksanakan pada hari ini bagi ditandatangani oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang Dipertua, ini juga bersesuaian dengan kata bidalan Adat Perpatih Negeri Sembilan "Tidak ada janji dibuat janji, janji dibuat dimuliakan, dalam janji digaduhkan, sampai janji ditepatkan". Jadi pada hari inilah, Tuan Yang Dipertua, sampai masanya Kerajaan kita menetapkan janjinya bagi diubahsuai dan dibincangkan semula ke dalam Dewan Negara kita yang mulia ini. Kata orang: "Takkanlah kusut tidak ada selesainya". Dalam nyanyian Allahyarham P. Ramlee juga ada menyebut "Buang yang keruh, ambil yang jernih, barulah sedap rasa di hati".

Tuan Yang Dipertua, saya tidak berhajat menyentuh untuk membuat ulasan berhubung dengan:

(a) penarikan semula pindaan ke atas Perkara 150 berhubung dengan hak mengisytiharkan darurat;

(b) Penarikan semula Jadual Kelapan berhubung dengan perkenan Raja-raja ke atas Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri; dan

(c) Demikian juga pindaan Perkara 66 (5) berhubung dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong ke atas Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen kerana saya telah mengikuti penerangan-penerangan dan penjelasan yang berkaitan dengannya yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri kita.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya duduk izinkan lagi sekali saya mengucapkan tahniah dan kegembiraan saya kepada pemimpin kita yang dikasihi, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, mudah-mudahan Tuhan akan memberikan hidayah dan petunjuk lagi kepada pemimpin kita dalam mengendalikan dan mentadbirkan negara bagi kesejahteraan rakyat, agama dan negara kita Malaysia yang dikasihi ini bagi masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, oleh itu saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 ini diluluskan.

4.19 ptg.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun menerangkan kepada Dewan yang mulia ini tentang usul ini. Sepertimana kita maklum undang-undang perlu diubah mengikut keadaan dan masa. Perubahan adalah perlu untuk membolehkan sesebuah negara menjalankan pentadbiran dan kegiatan dengan teratur dan terjamin.

Sesuai dengan keadaan dan masa maka beberapa peruntukan dalam Perlembagaan itu terpaksa dipinda sepertimana yang dicadangkan demi untuk memberi kebaikan dan keselesaan kepada masyarakat.

Tuan Yang Dipertua, baru-baru ini kita telah membaca dalam surat khabar daripada parti Pembangkang iaitu hapuskan Perlembagaan itu, tetapi kita tidak dengar dalam sejarah pada semua perkara yang dibawa oleh Kerajaan kita tanpa elaun mereka. Negara kita mengamalkan sistem Pemerintahan Beraja mengikut Perlembagaan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja adalah tumpuan kesetiaan dan kemuncak dalam sistem pemerintahan negara kita ini. Kebawah Duli-Kebawah Duli mempunyai kedudukan yang tinggi dan keistimewaan yang termaktub dalam Perlembagaan Negara dan Perlembagaan Negeri. Kedudukan ini bukan sahaja termaktub dalam Perlembagaan bahkan ianya dicerminkan dalam Rukunegara juga. Oleh itu, segala pindaan yang dicadangkan tidak akan menjejas kedudukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja negara kita.

Segala pindaan yang dicadangkan dalam Dewan yang mulia ini akan melicinkan jentera pentadbiran oleh kerana ianya menerangkan dengan jelasnya peranan tiap-tiap kuasa yang termaktub dalam proses membuat dan melaksanakan undang-undang. Pindaan-pindaan ini bukanlah dibuat dengan sewenang-wenangnya tetapi

setelah mengambil kira berbagai-bagai faktor dan tujuannya adalah untuk kepentingan negara.

Oleh yang demikian saya dan MIC Kebangsaan menyokong dengan sepenuhnya usul membentangkan Rang Undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984 dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

4.23 ptg.

Tuan Ng Ah Poi: Tuan Yang Dipertua, saya ialah seorang baru dan pertama kali bercakap dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ialah seorang Ahli Yang baru yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Melaka dari MCA. Hari ini saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain menyokong Rang Undang-undang yang dinamakan suatu Akta untuk meminda Perlembagaan 1984 yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam.

Tuan Yang Dipertua, mengikut pendapat saya, semua rakyat di Malaysia perlu mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja kerana dapat menyelesaikan pindaan Perlembagaan Negara. Penyelesaian perkara yang amat penting ini telah membuktikan bahawa semua pihak sama ada pemimpin-pemimpin politik yang dipilih oleh rakyat ataupun Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja kita mempunyai penuh tanggungjawab kepada negara serta rakyat. Penyelesaian usaha ini tetap akan menjamin pentadbiran politik di negara ini.

Saya yakin pencapaian ini akan menggerakkan kita semua iaitu rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan, berusaha lebih gigih dan lebih bersungguh untuk mencapai lebih kejayaan pada masa yang akan datang.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih.

4.26 ptg.

Tuan R. M. Jasni: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi. Peruntukan di dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang membolehkan Yang Dipertuan Agong mengemukakan pandangan dan pendapat Baginda secara tidak langsung Baginda melibatkan diri di dalam proses menentu dan membentuk penggubalan undang-undang dan secara tidak langsung juga melibatkan diri di dalam perbahasan politik.

Jikalau keputusan-keputusan Parlimen sentiasa mengalami pertembongan pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bererti pendapat dan keputusan Parlimen sentiasa dipertikaikan lambat-laun boleh membawa Raja-raja terdedah kepada sorotan dan pendapat orang ramai secara terbuka seperti halnya dengan krisis yang timbul dari pindaan awal Perlembagaan ini. Perbahasan-perbahasan Perlembagaan ini selama beberapa bulan secara tidak langsung memperkatakan hak Raja-raja yang sepatutnya tidak berlaku tetapi berlaku juga.

Saya rasa lebih banyak Raja-raja mempertikaikan keputusan Parlimen yang bererti mempertikaikan keputusan rakyat, kedudukan Raja-raja akan lebih terdedah kepada pelbagai kenyataan umum di surat-surat khabar seperti apa yang telah

berlaku di akhbar-akhbar tempatan kita. Bagaimanapun kita bersyukur bahawa pertembungan pendapat yang telah berlaku itu dapat diselesaikan dengan baik. Ini menunjukkan hakikat perubahan masa dan kemampuan negara kita menyesuaikan diri dengan perubahan.

Saya rasa apa yang telah berlaku di dalam perbahasan pindaan Perlembagaan itu menjadi pengalaman kita supaya kita bertambah lebih matang untuk mengemas dan mempastikan pentadbiran negara berfungsi dengan teratur dan berkesan dan kita tidak akan melakukan secara terburu-buru.

Tuan Yang Dipertua, memang ada baiknya perbalahan pendapat ini berlaku sekarang daripada ia menelurkan keadaan yang keliru yang berpanjangan yang boleh mencetuskan satu keadaan yang tidak dapat dibendung. Penyelesaian krisis Perlembagaan ini yang berakhir kedaulatan rakyat terus dapat dipertahankan dan keagungan Parlimen tetap utuh dan Raja Berperlembagaan tetap terpelihara adalah membuktikan kematangan dan kebijaksanaan antara Raja dan pemimpin-pemimpin Kerajaan kita dalam menyelesaikannya.

Apa yang lebih mengembirakan rakyat dari penyelesaian tersebut, kita semua menang. Kita, saya maksudkan antara Raja, Kerajaan dan Rakyat dalam perkara ini, kerana semua pihak mengambil sikap bahawa perhitungan utama ialah memperkukuhkan, memperteguhkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Kepada Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita diucapkan setinggi-tinggi tahniah termasuk mereka yang terlibat secara langsung menyelesaikan krisis itu kerana kebijaksanaan mereka mengendalikan krisis itu dengan tenang, cukup berwaspada dan berakhir bahawa musang tidak lapar, ayam tidak mati.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Senator Nasir bin Manap.

4.30 ptg.

Tuan Nasir bin Manap: Tuan Yang Dipertua, dalam membahaskan pindaan Perlembagaan yang dibentangkan ini saya turut mengambil peluang memberi sokongan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang Dipertua, untuk meminda sesuatu Perlembagaan bukanlah dapat dibuat dengan sewenang-wenangnya, tetapi setelah dikaji dan diteliti buruk baiknya maka dalam masa-masa yang tertentu, Perlembagaan itu apakala perlu dipinda maka sampai masanya maka hendaklah dipinda.

Tuan Yang Dipertua, dalam kebelakangan ini, barangkali kita agak sukar dapat menentukan dan ternyata kepada kita setengah-tengahnya orang ramai agak telah dapat menentukan siapakah yang boleh menentukan sesuatu Perlembagaan yang telah diputuskan adakah pihak rakyat, maksudnya Ahli-ahli Dewan Parlimen sebagai wakil rakyat jelata negara ini ataupun pihak Yang di-Pertuan Agong.

Dan saya sedar barangkali masalah ini timbul telah dihalusi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sampai masanyalah maka Perlembagaan yang begini perlu diubah dan dengan kata ringkas dalam masa dua bulan lebih kurang segala

pindaan undang-undang yang telah diluluskan di Dewan ini dan di Dewan Rakyat dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu, saya suka menyentuh dalam saat-saat pindaan Perlembagaan mengarah kepada menyelesaikan, kita sedar ada di antara golongan-golongan yang tertentu terutama daripada Parti PAS telah mengeluarkan risalah yang bertajuk "Perlembagaan Persekutuan dan Rang Undang-undang (Pindaan) 1983" dan buku yang bertajuk "Kenapa PAS menentang Perlembagaan 1983?". Ini kita tidak hairan dan kita tahu apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional walaupun bertujuan untuk kebaikan umum mendapat tentangan daripada Parti PAS atau dari parti-parti yang lain yang sealiran dengan mereka.

Tuan Yang Dipertua, saya merasa dalam jangka masa pengarahan penyelesaian Perlembagaan pihak PAS telah mencari keuntungan daripada masalah yang berlaku ini. Dengan adanya penjualan buku yang bertajuk "Kenapa PAS Menentang Pindaan Perlembagaan 1983?" maka di sini kita meragui kepada PAS dan menganggap di waktu itu PAS mencari keuntungan.

Tuan Yang Dipertua, kita tahu Malaysia tertakluk daripada beberapa rangkuman negeri-negeri seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan sebagainya. Dan kita sedar tiap-tiap negeri ada mempunyai bendera yang tertentu samalah sebagai negara Malaysia ini mempunyai satu bendera yang melambangkan keagungan rakyat dan negara ini. Tetapi saya rasa amat dukacita dan sedih serta hairan dalam masa-masa yang tertentu sama ada perayaan-perayaan dan sambutan-sambutan bendera keagungan negara ini tidak dikibarkan, adakah ini satu kaedah yang kita sukar menentukan di manakah berlaku perkara yang demikian?

Dan apabila benda ini dipersoalkan dan dijawab dengan berbagai-bagai helah yang longgar daripada pihak-pihak yang tertentu. Dan apabila ditanya pada saya, dan kepada seseorang jawapan yang diberikan itu tidak menunjukkan keikhlasannya.

Dengan adanya perbuatan yang anih ini, maka saya rasa pihak semua yang berkenaan dapat meneliti dan mengkaji sedalam-dalamnya mengapakah terjadinya demikian. Dan kita berharap perbuatan-perbuatan yang begini tidak akan berlaku di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, bagi menutupnya adalah dirasai dengan penyelesaian Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984 ini menunjukkan kematangan dan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang di-Pertuan Agong dengan ini dapat memperkukuhkan sistem demokrasi di negara ini dan tidak menjejaskan kedaulatan Yang di-Pertuan Agong.

Sekian pandangan dan perhatian saya.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

4.37 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil sedikit perbahasan untuk meluluskan, meminda Akta Perlembagaan yang mana sebentar tadi telah pun dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam berhubungan dengan Perlembagaan

yang pada suatu masa menjadi satu perkara atau isu yang besar kepada kita.

Tetapi saya syukur kepada Allah s.w.t. kerana perkara ini telah pun dapat diselesaikan oleh kedua-dua belah pihak dan di sini saya mengucapkan tahniah dan syukur sekali lagi kepada Allah s.w.t. lebih-lebih lagi kepada Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri-menteri yang lain yang telah dapat menyelesaikan masalah ini dengan baik dengan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan juga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dan saya mengucapkan juga tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong kerana telah menandatangani Perlembagaan ini supaya diluluskan. Dan pada hari ini kita bawa ke dalam Dewan yang mulia ini bagi diluluskan akan pindaan-pindaan yang telah dikehendaki oleh kedua-dua pihak.

Kita amat berbangga sebagaimana saya katakan tadi negara kita memanglah kalau mengikut sejarah telah berkali-kali menempuh peristiwa-peristiwa yang pada mulanya cemas, tetapi akhirnya telah mendapat kejayaan. Umpamanya, peristiwa-peristiwa Malayan Union yang mana untuk menjatuhkan Raja pada suatu masa oleh Kerajaan British, selepas itu kita menyambut kemerdekaan dalam tahun 1957.

Kita dapat menyelesaikan masalah darurat dalam negara dan begitu juga kita dapat menyelesaikan konfrantasi antara Malaysia dengan Indonesia, perpecahan dan perpisahan Singapura dengan Malaysia, yang lebih lagi peristiwa 13hb Mei, 1969 iaitu peristiwa malang yang mengorbankan banyak jiwa, tetapi akhirnya telah dapat juga kita selesaikan dengan aman dan damai dan timbul pula isu pindaan Perlembagaan 1983 yang mana jenerasi-jenerasi baru dan juga yang lama telah mengambil kesempatan pula untuk membangkitkan masalah ini.

Sepatutnya perkara itu telah pun dapat diselesaikan oleh kedua-dua pihak, tetapi oleh kerana ada campurtangan orang luar sehinggakan perkara ini seolah-olah pada satu masa negara kita ini akan ditimpa oleh mala-petaka ataupun Perang Dunia Yang Ketiga sehinggakan masalah-masalah yang lain umpama saham dan sebagainya jatuh, para-para peniaga gelisah, berbagai-bagai pertanyaan dikemukakan kepada ahli-ahli politik dan akhir-akhirnya kita dapat berjaya. Dan di dalam kejayaan itu pula parti-parti Pembangkang mengambil kesempatan lagi mengatakan UMNO adalah menjadi suatu alat, tetapi mereka tidak tahu dengan menjadinya alat UMNO inilah yang negara kita telah dapat menangkis segala masalah-masalah yang dihadapi, dengan adanya UMNO inilah tidak boleh sesiapa pun menafikan segala masalah-masalah yang saya sebutkan tadi dapat kita selesaikan, termasuk juga perkara-perkara yang kecil umpama pemogokan Railway pada satu masa dan juga MAS, UMNO juga telah masuk campurtangan dalam soal ini sehingga mendapat kejayaan, tetapi parti-parti Pembangkang masih mengkaburkan mata, mengambil tidak tahu atau semacam tidak tahu apa yang kita buat ini bukan untuk kepentingan orang Melayu, tetapi untuk kepentingan keseluruh rakyat dalam negara Malaysia ini, bukan untuk kepentingan satu-satu kaum, tetapi untuk kepentingan semua dalam negara kita. Oleh itu, saya berharap kepada parti-parti Pembangkang sama ada parti Pembangkang itu golongan orang Islam sendiri dan juga bukan

Islam, saya berharap mereka ini mestilah memahami betul-betul akan Perlembagaan dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam soal-soal yang lain kita berharap dengan adanya keputusan yang kita ambil dalam kedua-dua Dewan, semalam Dewan Rakyat dan pada hari ini dalam Dewan Negara supaya perkara-perkara bak kata pepatah orang Melayu "Buang yang keruh ambillah yang jernih", masalah yang kita alami itu lupakan sahaja sebagai kenang-kenangan manis atau kenang-kenangan pahit, ini adalah bagi kepentingan bangsa dan negara kita dan jenerasi kita yang akan datang. Dan soal-soal yang lain, yang timbul sungguhpun Perlembagaan ini kita telah meluluskan, tetapi pagi tadi saya masih menerima lagi, Tuan Yang Dipertua, surat layang berhubung dengan Perlembagaan yang datangnya daripada Kedah, panjang ceritanya, saya pun tidak tahu apa keadaan orang ini sebenarnya. Oleh itu, saya berharap kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, beliau juga selaku Menteri Dalam Negeri, saya rasa masalah-masalah ini kita cari umbi-umbinya, cari orang-orang ini kalau boleh bawa dia ke depan dan tunjukkan apa kesalahan dan apa masalah-masalah yang dia tidak puas hati lagi dalam masalah-masalah yang kita hadapi ini.

Dan soal-soal yang lain, umpamanya soal yang timbul telah pun kita luluskan pada 15hb Disember, 1983 dahulu dan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ada juga lagi masalah-masalah yang timbul, umpamanya sepertimana Ahli Yang Berhormat daripada Melaka tadi mengatakan ada juga soal bendera, soal gambar-gambar pemimpin yang diturunkan. Ini juga saya rasa seolah-olah apa yang kita buat ini masih mereka ini tidak lagi puas hati yang kita telah jalankan ini. Saya berharap masalah-masalah ini kalau mereka itu sesat di hujung jalan, baliklah balik ke pangkal jalan, kerana apa yang kita buat, apa yang Kerajaan buat pada hari ini bukan untuk kepentingan perseorangan ataupun kepentingan individu, tetapi untuk kepentingan negara kita supaya aman dan damai, dan begitu juga kepada negara-negara lain, pemberita-pemberita dan juga akhbar-akhbar atau majalah-majalah luar negeri kita berharap kepada mereka itu supaya janganlah pula memutarbelitkan apa yang terjadi dalam negara kita ini.

Saya pernah melihat majalah luar negeri memutarbelitkan masalah ini dan kita pun tidak tahu, sebenarnya perkara ini tidak ada terjadi dalam negara kita ini, tetapi mereka memutarbelitkan masalah dan tidak perlulah saya hendak terangkan, kemungkinan Yang Amat Berhormat pun tahu dalam masalah-masalah ini. Oleh itu, kita berharap pada keadaan-keadaan ini, bukan kita untuk mencari gaduh ataupun untuk mencari lawan, tetapi untuk mencari kawan untuk menyelesaikan masalah bukan untuk negara Malaysia sahaja, tetapi untuk dunia luar yang mana Malaysia juga masuk campur dalam soal ini untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul itu.

Tuan Yang Dipertua, saya juga tidaklah berhajat untuk berucap panjang dalam masalah ini kerana masalah ini rasa saya telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, maka dengan ini saya juga bersama-sama di Dewan yang mulia ini menyokong akan Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

4.48 ptg.

Puan Nen Abidah binti Abdullah: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang saya perolehi pada

petang ini di sidang Dewan yang mulia adalah sama-sama untuk menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada petang ini sebagai pahlawan negara yang kedua.

Perlembagaan adalah merupakan undang-undang yang dijalankan dalam negara kita, tanpa Perlembagaan negara akan hancur dan purak-puranda kerana tiada pegangan dan peraturan yang akan dijalankan. Perlembagaan juga tidak akan dapat dijadikan sebagai asas negara yang merdeka, yang telah kita capai pada tahun 1957 adalah menunjukkan satu hasil dan juga telah dipersetujui dengan secara bertolak-ansur di antara semua golongan yang dipandang penting dalam masyarakat di negara kita. Dan ini juga termasuklah Raja-raja Melayu dan pertubuhan-pertubuhan politik yang telah dapat mewakili dan menangi suara rakyat yang terbanyak, bukan sahaja dari orang Melayu bahkan dari semua kaum.

Tuan Yang Dipertua, Perlembagaan bukanlah Quran yang terkandung di dalamnya 6,666 ayat yang diturunkan oleh Allah s.w.t. yang tidak boleh dipinda dan diubah, tetapi Perlembagaan Negara adalah boleh dipinda dan umum mengetahui bahawa Perlembagaan Negara kita telah pun dipinda sebanyak 25 kali yang lalu. Ini menunjukkan bahawa dalam Perlembagaan tersebut tidak termaktub bahawa Perlembagaan itu tetap dan tidak boleh dipinda sehingga kiamat, semuanya adalah tertakluk kepada perkembangan semasa, ini semua adalah memberi peluang kepada negara ini supaya dapat memperhitungkan ataupun bagi mengelak daripada berlakunya peristiwa-peristiwa yang tidak diingini berlaku atau berulang lagi.

Ada golongan-golongan yang tertentu yang telah menyatakan rasa tidak senang mereka terhadap pindaan ini, maksud saya bukan Raja-raja, oleh kerana mereka ini berhaluan kepada pendapat dan perasaan mereka atau golongan mereka dan tidak mengindahkan perasaan-perasaan yang menyinggung perasaan orang-orang lain mengenai hak-hak di tanahair mereka sendiri. Dan tidak dapat dinafikan pula ada pihak-pihak yang bermuka-muka seolah-olah mereka itu jaguh Perlembagaan dan yang sudah matang dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan. Mereka tidak mahu mengaku bahawa mereka itu sendiri adalah jahil dalam masalah Perlembagaan dan tidak menjadi satu perkara malu jika sekiranya mereka menyokong Perlembagaan dengan memberikan pendapat-pendapat ataupun pandangan-pandangan untuk membina bagi kebaikan negara dan rakyat. Dari segi agama pun adalah dikehendaki supaya demi untuk memupuk semangat dan perpaduan rakyat bersatu padu menegakkan kekuatan ekonomi kita sendiri adalah sangat-sangat dituntut dan dihargai.

Tuan Yang Dipertua, saya dengan segala ikhlas dan rasa penuh sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet yang telah berusaha untuk menenangkan suasana pergisiran dalam masa 4 bulan yang lalu. Sekalipun bermacam-macam dugaan dan tuduhan yang dilemparkan oleh pihak-pihak yang tertentu bagi mengeruhkan suasana di negara ini dan dengan cara bertolak ansur dan dengan persetujuan antara kedua belah pihak, alhamdulillah tiada satu perkara pun yang tak dapat diatasi, sekiranya ada kerjasama antara satu sama lain; yang kusut telah diselesaikan, yang keruh telah diheningkan, atau seperti kata

pepatah: menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berserak. Inilah kebijaksanaan Perdana Menteri kita.

Saya amat menyetujui di atas pindaan, antara lain, bahawa jika Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankan Rang Undang-undang ini hendaklah ianya menjadi undang-undang selepas tamatnya tempoh tersebut dan ini seolah-olah Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan Rang Undang-undang tersebut. Dengan itu, Rang Undang-undang tersebut akan dapat diwartakan dan dijalankan dengan lebih segera dan sempurna dan tidak akan memberi peluang kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan cita-cita buruk mereka bagi mewujudkan rasa tidak puas hati dengan hasutan-hasutan dan bermuka-muka untuk mencari publisiti bahawa merekalah jaguh menjaga kepentingan negara. Sungguhpun Perdana Menteri menerima cubaan satu demi satu, dengan cubaan ini akan lebih menguatkan lagi semangat beliau untuk menyelamatkan negara, bangsa yang ada di Malaysia ini.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, maka dengan ini saya dengan penuh ikhlas menyokong pindaan Perlembagaan, 1984.

4.53 ptg.

Tuan Kenneth Kenyan anak Temenggong Koh: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, pindaan Perlembagaan ini bertujuan ialah untuk melicinkan jentera pentadbiran di negara kita. Dari segi pindaan ini negara kita dapatlah memperkuat dan melicinkan sistem pentadbiran negara. Kita akan dapat menyediakan satu asas yang kukuh supaya negara kita dapat terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dalam usaha-usaha pembangunan kerana negara kita ini sedang membangun.

Tuan Yang Dipertua, kami rakyat di Sarawak memberi sokongan yang sepenuh-penuhnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya perkara ini dapat diselesaikan demi kepentingan negara. Rakyat di Sarawak baru-baru ini dalam pilihanraya, Barisan Nasional telah menang, inilah memandangkan sokongan rakyat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaannya.

Tuan Yang Dipertua, pindaan ini juga melambangkan semangat sefahaman dan tolak ansur antara Kerajaan dan Raja-raja dan penyelesaian ini tidaklah timbul lagi masalah tafsiran.

Tuan Yang Dipertua, saya memberi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakannya di Kabinet dan memberi tahniah kepada Duli Raja-raja yang ada pandangan jauh dapat memikir jalan yang baik untuk menyelesaikan isu ini.

Tuan Yang Dipertua, penyelesaian pindaan Perlembagaan ini dapat menentukan bentuk sistem demokrasi berparlimen di negara kita. Negara kita ini ada sistem pemerintah beraja mengikut Perlembagaan. Duli Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja kita adalah tumpuan kesetiaan dan kemuncak dalam pemerintah di negara ini dan above politics, kedudukan Duli Raja-raja kita yang tinggi di negara kita.

Tuan Yang Dipertua, penyelesaian pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan ini penting oleh Kerajaan kerana ini disokong oleh rakyat jelata di negara ini dengan sepenuh-penuh suara.

Tuan Yang Dipertua, saya bersama rakan-rakan saya menyokong pindaan ini.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Jalil.

4.48 ptg.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil peluang bersama-sama dalam Dewan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Akta Perlembagaan (Pindaan), 1984 yang dibentangkan sebentar tadi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang Dipertua, saya memberi setinggi-tinggi penghargaan, tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang mana dengan kebijaksanaan beliau telah berjaya dapat menyelesaikan krisis Perlembagaan yang telah berlaku 2-3 bulan kebelakangan yang lalu sehingga dapat membuat pindaan dibawa kepada Dewan yang mulia di hadapan kita pada hari ini.

Sebenarnya, Tuan Yang Dipertua, daripada krisis yang berlaku beberapa hikmah yang tersembunyi dapat kita ambil kejadian-kejadian yang berlaku itu di sebalik berlaku krisis yang berlaku. Pertama, dengan adanya krisis, kesedaran semua pihak atas sistem demokrasi berparlimen dan institusi Raja Berperlembagaan di negara kita. Kedua, dengan krisis yang berlaku rakyat negara kita ini dengan berbagai-bagai kaum, agama dan bangsa semakin padu dan teguh menyokong Kerajaan dan percaya dengan amalan demokrasi berparlimen yang berjalan di negara kita ini. Selain daripada itu, dengan krisis yang berlaku, pucuk pimpinan dan rakyat sedar siapakah kawan dan siapakah lawan semasa berlakunya krisis dalam menegakkan demokrasi berparlimen di negara kita ini kerana semasa krisis ada orang-orang yang cuba menangguk di air keruh, sama ada di pihak parti Pembangkang ataupun rakan-rakan dalam parti kita sendiri yang telah menunjukkan belangnya semasa krisis itu berlaku.

Sebenarnya krisis Perlembagaan ini adalah satu perkara yang kecil yang patutnya dapat diselesaikan dengan mudah tetapi oleh sebab sengaja dibesar-besarkan oleh pihak-pihak yang tertentu maka terjadilah keadaan yang sedemikian rupa. Sepatutnya kita tidak payah lagi datang ke Dewan ini untuk membuat pindaan lagi atas Perlembagaan yang telah diluluskan dalam Dewan ini pada bulan Julai dan Ogos tahun 1983 yang lalu kerana keputusan Parlimen ini, keputusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah keputusan yang tertinggi yang patut diterima oleh segenap pihak. Namun demikian, dengan kebijaksanaan Perdana Menteri dan pucuk pimpinan negara kita atas dasar bertolak-ansur maka untuk kepentingan rakyat dan negara maka dibuat pindaan yang ada pada hari ini dan saya percaya pindaan ini juga akan diluluskan sebentar lagi.

Dengan ini, saya sekali lagi menyatakan sokongan atas pindaan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984 ini diluluskan. Sekian.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato Wong Seng Chow.

5.02 ptg.

Dato Wong Seng Chow: Tuan Yang Dipertua, Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984 boleh dikatakan unik

kerana ianya bertujuan untuk meminda suatu Rang Undang-undang (Pindaan) yang telah diluluskan baru-baru ini iaitu pada bulan Julai 1983. Kerjasama daripada semua pihak-pihak yang terlibat untuk menyelesaikan masalah ini menunjukkan yang demokrasi di negara ini masih wujud dan diperagong-agongkan.

Tuan Yang Dipertua, kita semua boleh dikatakan berasa amat bangga untuk menjadi rakyat negara ini kerana sungguhpun terdapat bangsa yang berlainan, kebudayaan dan agama yang berbeza, kita rakyat semua berganding bahu untuk membina sebuah negara Malaysia yang bersatu padu pada keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua, apabila krisis itu wujud ada orang yang menyatakan yang ianya hanya merupakan suatu masalah di antara Raja-raja dan orang-orang Melayu. Hal ini tidak betul. Masalah itu adalah suatu masalah pada Dasar Kebangsaan. Semua rakyat dari segala lapisan masyarakat adalah terlibat dan perkara ini juga dipertikaikan di kedai-kedai kopi dan di jalan kaki lima.

Tuan Yang Dipertua, orang bukan Melayu juga telah memberi kesetiaan mereka yang tidak berbelah bahagi kepada negara ini dan krisis ini juga telah melibatkan mereka seperti ia melibatkan orang Melayu. Rakyat jelata berasa bimbang yang krisis ini akan menyentuh kestabilan politik dan ekonomi di negara ini. Rakyat berasa bimbang yang keamanan negara ini juga akan terjejas.

Tuan Yang Dipertua, Perdana Menteri telah mengambil langkah yang baik secara bertolak ansur untuk menyelesaikan masalah ini. Demokrasi sekali lagi telah menghasilkan kejayaan dan kematangan di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, terdapat juga banyak Rang Undang-undang di negara ini yang perlu disemak semula untuk menunaikan hasrat dan hajat rakyat jelata untuk membolehkan mereka hidup dengan lebih senang dan bermakna. Saya berharap pihak Kerajaan akan menunjukkan semangat, dengan izin, in the same spirit displayed today, untuk menyemak semula dan bertolak ansur ke atas Rang Undang-undang sehingga mencapai kepuasan rakyat jelata.

Saya dengan sebesar hati menyokong pindaan-pindaan yang di bentangkan di hadapan Dewan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Basharon bin Hanapiah.

5.07 ptg.

Tuan Basharon bin Hanapiah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun ini untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahas Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984 yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sebentar tadi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, yang saya kasihi dan saya hormati.

Tuan Yang Dipertua, kalau mengikut perasaan dan hati kecil saya maka sudah tentu saya tidak akan menyokong Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984 yang sedang dibahaskan sekarang ini, kerana saya berpendapat Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam tahun 1983 yang baru lalu itu bukanlah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri kita seorang sahaja dengan sewenang-wenangnya, akan tetapi pindaan

tersebut telah dikaji dan diteliti baik dan buruknya akan pindaan tersebut oleh Kabinet. Selepas persetujuan oleh Kabinet akan pindaan tersebut barulah dibentang dalam Dewan Rakyat untuk memberi peluang yang seluas-luasnya kepada setiap Ahli Dewan Rakyat yang dipilih oleh rakyat untuk membahasnya serta memberi teguran baik dan buruknya akan pindaan Perlembagaan yang tersebut. Setelah berbahas Dewan Rakyat telah meluluskan akan pindaan Perlembagaan 1983 yang tersebut dengan suara yang terbanyak.

Tuan Yang Dipertua, selepas Akta (Pindaan) Perlembagaan 1983 diluluskan oleh Dewan Rakyat maka dibentangkan pula di dalam Dewan yang mulia ini untuk dibahas. Setiap Ahli Dewan Negara adalah diberi kebebasan yang sepenuh-penuhnya untuk mengeluarkan pendapat masing-masing di waktu membahas Akta (Pindaan) Perlembagaan 1983 itu sama ada bersetuju ataupun tidak di atas pindaan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat itu. Setelah dibahas keputusannya Dewan Negara telah meluluskan dengan sebulat suara.

Tuan Yang Dipertua, saya timbulkan perkara ini bukanlah bertujuan untuk mengungkit-ungkitkan perkara yang telah lepas, akan tetapi untuk menjelaskan kedudukan yang sebenarnya perkara ini kerana ada suara-suara sumbang dari luar Dewan yang mengatakan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah diarah dan diperintah oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita supaya menyokong Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang tersebut itu dan jika Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara tidak mematuhi arahan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu mereka akan diambil tindakan.

Tuan Yang Dipertua, kata-kata tersebut di atas adalah merupakan satu penghinaan yang besar bukan sahaja kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara tetapi juga penghinaan kepada Perdana Menteri kita yang kita kasihi Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tuan Yang Dipertua, tuduhan yang tersebut juga seolah-olah Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat boleh dipermain-mainkan dan diperalat-alatkan oleh sesiapa sahaja.

Tuan Yang Dipertua, sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang mulia ini yang turut sama mengambil bahagian di waktu membahaskan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983, saya suka tegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita tidak pernah atau belum pernah mengarahkan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk memberi sebarang sokongan kepada sesuatu Rang Undang-undang yang dibahaskan di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara. Setiap Ahli Dewan hendaklah diberi kebebasan yang sepenuh-penuhnya untuk mengeluarkan pendapat-pendapat dan pandangan masing-masing sama ada menyokong ataupun tidak.

Tuan Yang Dipertua, saya juga berasa kesal kerana ada petualang-petualang yang rasa cemburu melihat cara Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita, pemimpin negara Malaysia ini kerana dalam masa yang singkat beliau telah berjaya melakukan banyak perubahan dan semua perubahan itu adalah semata-mata untuk kebaikan dan kebahagian rakyat negara Malaysia yang beliau cintai itu. Petualang-petualang yang

tersebut mengambil kesempatan dari isu Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 untuk memburuk-burukkan dan menghina Kerajaan di bawah pimpinan beliau sehingga sanggup menuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mahu membuang Raja-raja yang ada sekarang ini. Dan berbagai-bagai tuduhan lagi sehingga mengelirukan orang ramai terutamanya rakyat yang tinggal di kampung-kampung dan di desa-desa yang kurang berpengetahuan yang mana sehingga sekarang ini masih lagi mempercayai akan tuduhan-tuduhan yang tersebut. Oleh itu saya mohon mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam, Menteri Penerangan yang juga salah seorang dari tujuh orang pahlawan yang telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam di Batu Pahat tempoh hari hendaklah mengambil tindakan segera untuk menerangkan kepada rakyat sepertimana yang saya katakan tadi dengan sejelas-jelasnya supaya keraguan dari rakyat dapat diatasi.

Tuan Yang Dipertua, selain dari suara-suara sumbang dan petualang-petualang seperti yang saya katakan tadi, ada lagi satu golongan. Golongan ini saya tidak tahu apa namanya, dan golongan ini juga amat merbahaya. Mereka bergerak dengan teratur dan licin dan siapakah agaknya ketua mereka itu. Dalam isu Perlembagaan, golongan ini menyokong, saya tidak tahu sama ada sokongan tersebut dengan niat yang jujur ataupun ikhlas ataupun sebaliknya dan di samping menyokong pindaan Perlembagaan, golongan yang tersebut mengambil kesempatan untuk membuat fitnah dan memburuk-burukkan orang-orang yang tertentu dengan berbagai-bagai tohmah dan tuduhan. Kalau kita tidak ambil periksa, kita akan percaya semua tohmah-tohmah dan tuduhan yang tersebut adalah betul belaka. Golongan ini menganggap semua orang tidak betul, yang betul ialah golongan mereka sahaja. Dan saya tidak tahu kalaulah golongan ini mentadbirkan negara kita apa akan terjadi.

Tuan Yang Dipertua, saya timbulkan perkara ini kerana saya masih sayang dan saya menghormati Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita yang saya tahu sentiasa memikirkan supaya rakyat Malaysia maju dan setanding dengan negara-negara maju di dunia ini serta dihormati oleh mereka itu. Tetapi saya berasa hairan, golongan yang saya maksudkan tadi sanggup menggunakan nama baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu membuat tuduhan-tuduhan mereka itu, pada hal Yang Amat Berhormat tidak mengetahui langsung di atas apa yang dikatakan oleh golongan yang tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada golongan tersebut, adakah ini caranya yang menandakan mereka memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Kalau begini caranya, bukanlah bererti mereka memberi sokongan kepada Kerajaan kita.

Tuan Yang Dipertua, Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984 yang sedang dibahaskan sekarang ini adalah merupakan satu bukti yang jelas bahawasanya Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang keempat adalah jujur, ikhlas dan tepat pada janjinya kerana apa yang telah beliau janjikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja telah beliau sempurnakannya dan terpulanglah kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk mempertimbangkannya dengan memberi kebebasan yang sepenuh-penuhnya.

Tuan Yang Dipertua, Fasal 2 *(b)* (4) yang baharu adalah memberi masa yang lebih iaitu 30 hari kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk memperkenankan oleh Baginda di atas sesuatu Rang Undang-undang yang dipersembahkan kepada Baginda. Pindaan ini adalah merupakan satu cadangan yang tulus ikhlas dan jujur dari Kerajaan. Maka dengan masa 30 hari yang ditetapkan itu dapatlah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merundingkan dengan Raja-raja untuk mengelakkan dari berlakunya salah faham yang mungkin akan timbul nanti kecuali Rang Undang-undang yang bersangkut dengan wang.

Tuan Yang Dipertua, Fasal 2 (4) *(b)* dalam pindaan tersebut, Kerajaan telah memberi satu keistimewaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara Malaysia mengikut Perlembagaan untuk baginda memberi pandangan dan teguran di atas sesuatu Rang Undang-undang yang dipersembahkan kepada baginda untuk diperkenankan. Pindaan tersebut membuktikan Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, bukanlah ingin membolot kuasa seperti yang dituduhkan oleh petualang-petualang itu tetapi sebaliknya Kerajaan dengan tulus dan ikhlas pohon mendapat pandangan dan teguran dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebelum sesuatu Rang Undang-undang dilaksanakan.

Tuan Yang Dipertua, sungguhpun saya bersetuju dengan pindaan tersebut, tetapi saya ingin mendapat penjelasan dari Kerajaan, adakah pindaan yang tersebut tidak bercanggah dengan Perlembagaan negara kita, kerana pindaan yang tersebut dengan secara tidak langsung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara telah melibatkan diri baginda ke kancah politik negara ini.

Tuan Yang Dipertua, Fasal 2 (4) *(a)* dalam pindaan ini, Parlimen hendaklah secara segera menimbangkan semula Rang Undang-undang yang diberi pandangan dan teguran oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti yang disebutkan dalam Fasal 2 (4) *(b)* selepas diluluskan hendaklah dipersembahkan semula Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan dalam masa 30 hari dari tarikh persembahan. Rang Undang-undang yang tersebut mesti diperkenankan, jika tidak Fasal 2 (4) *(b)* telah menetapkan Rang Undang-undang tersebut hendaklah menjadi Undang-undang selepas tamat tempohan yang dinyatakan dalam Fasal 4 atau 4 *(a)* dalam pindaan yang tersebut itu.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Kerajaan berhubung dengan Fasal 2 (4) *(a)* kenapa ditetapkan masa 30 hari untuk diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, bukankah lebih baik kalau masa 30 hari itu dikurangkan menjadi 15 hari sahaja. Kerana, Tuan Yang Dipertua, semua Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah mustahak dan perlu dilaksanakan segera untuk kepentingan rakyat dan negara Malaysia ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Puan Hafsah binti Othman.

5.20 ptg.

Puan Hafsah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian bagi menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1984.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khasnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang telah berjaya mengatasi isu pindaan Perlembagaan tanpa mencemarkan maruah mana-mana pihak.

Tuan Yang Dipertua, saya juga menjunjung kasih dan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja yang telah melimpah perkenan untuk menandatangani pindaan Perlembagaan 1984 demi untuk kepentingan negara dan rakyat dan untuk mententeramkan keadaan yang sedang berlaku sekarang ini. Walau bagaimanapun, saya berharap memandangkan peristiwa ini adalah pertama kali berlaku di dalam sejarah demokrasi berparlimen di negara ini adalah diharapkan pertama dan yang terakhir.

Negara ini diperintah oleh rakyat demi untuk rakyat mengikut lunas-lunas demokrasi. Apa yang dijalankan oleh pemerintah hari ini adalah mengikut asprisasi dan kehendak rakyat bagi memenuhi hasrat rakyat untuk kepentingan rakyat dan dengan penyelesaian yang telah berjaya janganlah hendaknya ada lagi pihak-pihak yang tertentu yang menjadikan peristiwa ini sebagai suatu precedent untuk menggugat maruah dan kedaulatan Dewan yang mulia ini dan kedaulatan Raja-raja.

Keputusan yang dibuat melalui Dewan yang mulia ini adalah sebenar-benarnya keputusan mengikut hasrat dan aspirasi rakyat yang mesti dihormati dan didaulatkan dan juga saya berharap kepada pihak-pihak tertentu yang tak suka melihat negara kita ini di dalam keadaan aman, berhentilah daripada melayangkan surat-surat layang yang masih menjadi-jadi lagi untuk mengelirukan rakyat.

Syukurlah sekarang ini sudah berjaya apa yang kita kehendaki dan segala masalah yang kita hadapi dan segala ketegangan yang telah berlaku telah pun reda dan marilah kita menyapu segala titik-titik hitam yang telah menyelubungi negara kita di dalam sebulan dua ini.

Dan Akhirnya juga saya berseru marilah kita bersama-sama berdoa agar perkara yang tidak diingini tidak akan berlaku lagi dan dengan ini juga saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan ini. Sekianlah, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah.

5.23 ptg.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang Dipertua, saya bangun dengan sesungguhnya dan sebenar-benarnya untuk menyokong satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984.

Pada kali ini, Tuan Yang Dipertua, saya tidak ada soalan ataupun tidak ada teguran hendak ditujukan kepada pihak Kerajaan dan hajat saya bangun pada petang ini adalah semata-mata untuk melafazkan perasaan sebagai seorang warganegara Malaysia yang amat cintakan negara, bangsa dan agama dan untuk mengeluarkan pendapat dan perasaan untuk menarik perhatian umum kerana masalah ini telah pun kita sama-sama tempuhi dengan penuh khusuk dan penuh

perasaan yang berbagai-bagai rupa dan cara oleh kerana masalah yang telah kita tempuh itu merupakan satu masalah yang begitu besar sekali yang tidak pernah kita tempuhi, malahan tidak pernah kita bayangkan kita akan tempuhi. Maka saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini untuk mengumpulkan pendapat-pendapat dan perasaan saya dalam empat jenis tajuk ataupun empat jenis perasaan iaitu dalam golongan perasaan kesyukuran pertamanya. Keduanya, perasaan ingin mengucapkan tahniah. Ketiganya, ingin juga saya sampaikan di sini perasaan terkilan saya; dan keempatnya, tentang harapan saya buat masa hadapan.

Yang pertama, saya amat bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana satu penyelesaian telah diperolehi oleh kita semua pada tanggal 15 haribulan Disember, 1983 yang telah pun mencerahkan kembali keadaan yang begitu kelam kabut yang penuh dengan tanda tanya, yang penuh dengan permasalahan yang pada ketika sebelum itu amat meragukan dan mendukacitakan dan merisaukan kita semua. Dan di atas suatu penyelesaian yang semua kita akui yang semuanya menguntungkan kepada kedua-dua belah pihak, merupakan satu kejayaan yang besar kepada kita semua terutamanya kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Dato Musa Hitam, yang telah nyata menampakkan tentang cara, gaya, ketenangan dan keyakinan mereka, walaupun ramai rakyat, ramai pemimpin, ramai pegawai yang amat musykil akan dapat apa-apa penyelesaian. Tetapi tokoh-tokoh kita itu dalam keadaan yang sebegitu tak tentu hala, tetap tenang, tetap yakin bahawa suatu penyelesaian akan diperolehi.

Al-hamdulillah, memang benar pendapat, memang benar, tepat dan betul keyakinan mereka itu dengan tercapainya satu penyelesaian yang memang ditunggu-tunggu dan dinanti-nanti oleh semua rakyat jelata yang cintakan bangsa dan negara dan cintakan keamanan dan ketenteraman negara. Dan saya juga ingin mengucapkan kesyukuran di sini tentang dengan adanya satu masalah yang sebegitu besar, semua kita daripada pucuk pimpinan sehingga kepada ahli-ahli biasa di peringkat kampung-kampung dan desa-desa sekarang ini lebih arif, lebih matang, lebih tahu-menahu tentang Perlembagaan Negara kita dan hak kita tentang keadaan yang sebenarnya mengikut Perlembagaan yang tertinggi itu.

Maka sebaliknya masalah yang kita tempuhi ini ada juga baiknya yang mana kita lebih faham, lebih arif dan juga menambahkan lagi keinsafan kita dan kesedaran kita tentang hak kita dan juga saya percaya pihak Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja juga mendapat menafaat kepada krisis ini dan saya percaya akan dapat juga satu kesedaran dan keinsafan yang mana tentang detil-detil hak Raja-raja dapat diterangkan dan diberi penjelasan sebenar-benarnya, dimanakah hak kuasa mereka yang ada termaktub di dalam sistem demokrasi berparlimen dan institusi Raja Berperlembagaan yang kita anjurkan ini. Dan saya percaya dari pengalaman dan pelajaran ini kita semua akan lebih matang, lebih berpengalaman dan insya-Allah perkara yang sedemikian tidak akan berlaku lagi di masa yang akan datang.

Dan kita juga bersyukur dengan adanya krisis ini kita dan pihak Kerajaan dapat maklum balas (feed-back) yang lebih jelas tentang

pendirian dan perasaan serta pendapat penduduk-penduduk di segenap pelusuk negara kita ini.

Dan ini juga satu, kepada saya, hikmat dan satu perkara yang baik yang kita hargai yang mana dapat kita menilai dengan jelas dan tepat di manakah hati, pemikiran, selera dan pendapat rakyat kita dan boleh pihak Kerajaan dan boleh kita menentukan ke manakah arah dan tujuan yang hendak kita bawa negara kita ini agar ianya betul-betul dan benar-benar menuju ke matlamat yang dihajati, yang dikehendaki oleh semua rakyat jelata yang ada di negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan di atas kebijaksanaan mereka mengatasi masalah yang terbesar ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas kesanggupan pucuk pimpinan kita mengorbankan diri mereka membenarkan tengkok mereka didedahkan supaya dipancung dengan membawa akan masalah ini kepada umum bukan untuk mereka, bukan untuk kepentingan sekarang ini tetapi mereka berpandangan jauh ke hadapan untuk melihat akan perbarisan-perbarisan bakal-bakal pengganti pemimpin-pemimpin negara kita ini akan memudah dan senang untuk mentadbirkan negara sejajar dan seiring dengan kehendak rakyat.

Maka saya sebagai seorang yang boleh dikatakan daripada golongan muda, maka tabik hormat kepada kedua-dua pemimpin kita dan kepimpinan yang lain-lain itu yang telah begitu berani, begitu berpandangan jauh dan begitu bersanggupanlah menggadaikan jawatan pangkat, darjat dan sebagainya untuk memperjuangkan masa depan kita semua yang mana kita percaya tiap-tiap seorang kita ini inginkan sebuah negara yang teratur yang benar-benar mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dengan maksud dan ertikata yang sebenarnya. Dan bukan dengan maksud dan ertikata yang disampaikan oleh loyar-loyar buruk yang banyak kita telah dengar sehari dua ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin juga di Dewan yang mulia ini di petang ini menyatakan juga perasaan terkilan sedikit di atas kejadian ataupun di atas pergolakan berkenaan dengan isu Perlembagaan ini yang mana kita amat sangat dukacita, yang mana orang-orang yang kita harapkan untuk mempertahankan, memperkukuhkan dan memperkuatkan perpaduan parti dan Kerajaan; mereka yang diharapkan untuk membantu, memberi penerangan, memperketatkan lagi perpaduan, mempereratkan lagi mana-mana ada perpecahan tetapi ada pula di antara mereka yang diharapkan itu pula mengadakan kesempatan ini untuk memecahbelahkan rakyat, memutarbelitkan isu-isu dan keadaan-keadaan yang ada demi untuk kepentingan-kepentingan yang sempit sama sekali.

Saya amat terkilan adanya dalang dan penghasut-penghasut yang sebenarnyalah mereka ini mempengaruhi, yang telah pun memutarbelitkan keadaan sehinggakan Duli-duli Yang Maha Mulia pun terikut terpengaruh. Saya percaya kalau dalang-dalang ini tidak daripada mulanya membuat angkara-angkara yang tidak bertanggungjawab itu, krisis Perlembagaan tentu tidak akan wujud. Tetapi mereka tetap mengambil kesempatan untuk menangguk di air yang keruh dan tujuan mereka tidak lain dan tidak bukan demi untuk kepentingan yang sempit. Mereka tidak fikirkan, tidak hiraukan, tidak langsung memberi

apa-apa kenang-mengenang kepada apa akan jadi kepada negara ini masa muka dan masa sekarang.

Dan saya berasa sedih yang amat sangat di atas sikap dan tindakan mereka itu yang sepatutnya menolong pihak parti dan pihak Kerajaan menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin dan juga bukan setakat itu sahaja Tuan Yang Dipertua, selepas isu ini dapat penyelesaian dengan dituruni, ditandatangani oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong sepatutnya perkara ini reda dan aman semula tetapi ada juga lagi penghasut-penghasut, dalang-dalang yang disebutkan tadi masih lagi tidak puashati pergi lagi melobi, menghasut Raja-raja kita semua ini demi untuk kepentingan mereka juga. Konon dengan mengapi-apikan isu Perlembagaan ini Raja-raja boleh memberi lebih pangkat dan darjat kesenangan kepada mereka. Ini satu perkara yang amat menyedihkan.

Saya harap dan saya menyeru setakat mana yang kita boleh kita mesti juga memainkan peranan untuk memadamkan dan menyejukkan api-api yang dikipaskan oleh penghasut-penghasut ini agar jangan pula Duli-duli Yang Maha Mulia ini terpengaruh dengan melakukan berbagai-bagai angkara seperti terdapat di negeri Johor sebagai contoh yang mana bendera-bendera diarahkan turun begitu juga dengan gambar-gambar Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Ini betul-betul satu perkara yang amat mendukacitakan dan tidak sepatutnya berlaku mencemarkan imej negara kita.

Perkara ini pihak kita dan pihak Kerajaan terpaksa mengambil perhatian yang serius takut pula nanti negeri-negeri lain pun turut sama buat sedemikian. Pada ketika itu apa pula akan jadi kepada negara kita. Ini dia kerja-kerja dalang-dalang, penghasut-penghasut yang masih lagi bermaharajalela di kalangan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja yang jikalau kita tepis ambil tahu bagi sedar dan cuba sedaya-upaya untuk menghapuskan angkara-angkara mereka itu agar tidak berlanjutan.

Untuk mengakhirinya, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyampaikan ataupun menyatakan harapan saya selepas kita dapat penyelesaian ini, pihak Kerajaan telah pun menepati janji-janji mereka kepada Raja-raja dengan menghimpunkan kita beramai di sini pada hari ini dan semalam untuk kita meminda akan Pindaan Perlembagaan yang dibuat pada bulan Ogos, 1983 dan jumlah Wakil-wakil Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara yang hadir amat memuaskan dan setakat kewajipan dan tanggungjawab dan janji-janji Kerajaan telah pun ditepati.

Maka saya berharap supaya kita semua berharap pihak Raja-raja pulalah sekarang ini terpulanglah kepada mereka tiba pula giliran mereka untuk menepati janji-janji mereka agar segala masalah yang pernah timbul disebabkan oleh mereka tidak akan kedengaran lagi mulai hari ini dan Insya Allah kita harap dan kita berdoa agar selepas sahaja Pindaan Perlembagaan ini dikuatkuasakan negara kita akan terus bergerak dengan tanpa halangan-halangan yang tidak berasas ini dan harapan yang kedua saya harapkan orang-orang yang suka menghasut, suka melobi-lobi untuk mendapatkan tempat, pangkat, darjat daripada Duli-duli Yang Mulia supaya sedarkan akan diri dan pulanglah balik ke jalan yang asal dan marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk membangun dan membimbing negara kita ini agar semuanya dapat dilaksanakan dengan cepat dan sempurna.

Dan juga harapan saya yang ketiga ialah mereka juga janganlah dibabitkan isu pindaan Perlembagaan ini dengan masalah politik yang ada di negara kita ini. Oleh kerana ini isu Perlembagaan, isu legality dan sepatutnya tidak ada kait-mengait, sangkut-menyangkut dengan masalah politik kita dalam negara kita ini. Kita harap tidak siapa pun selepas ini akan menggunakan atau membabitkan isu ini dengan masalah politik dalam negara kita ini.

Dan terakhirnya kita harap segala kekeliruan dan segala anggapan ataupun salah fahaman yang timbul di antara Kerajaan dengan Raja-raja, rakyat dengan Raja-raja, Raja dengan Raja dan sebagainya kita harap bersama selepas ini ianya dapat diatasi supaya kita sebagai satu famili, satu team membangun membina, membaiki akan kehidupan kita semua agar di bumi dunia Allah ini setiap kita akan dapat tempat dan rezeki yang sepatutnya diberi kepada kita.

Dengan kata-katanya itu, Tuan Yang Dipertua, saya menyokonglah dengan sesungguhnya Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan 1984.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom.

5.42 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang sama di dalam membahaskan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984. Terlebih dahulu saya minta izin memberikan sepotong ayat Al-Quran yang berbunyi: Di dalam masa ada kepahitan di situ ada manis. Di mana kita merasa sakit di situ akan merasa senang dan gembira. Ini adalah hikmah daripada Allah s.w.t. Maka di dalam krisis Perlembagaan ini, Tuan Yang Dipertua, roda sejarah kepada bangsa dan negara kita berulang lagi, bangsa yang besar ialah bangsa yang besar sejarahnya, pemimpin yang besar ialah pemimpin yang menempa sejarah yang besar yang akan menjadi kenangan zuriat di masa yang akan datang.

Pindaan Perlembagaan 1984 ini meyakinkan lagi kepada saya bahawa hakikat negara ini mengamalkan dasar demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan. Jika selama 27 tahun kita merdeka rakyat samar-samar tentang kedudukan yang sebenarnya di mana kekeramatan dan ketinggian suara rakyat di dalam Dewan Rakyat, suara rakyat—suara Wakil-wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat yang akan menentukan corak dan bentuk hidup rakyat melalui badan perundangan yang tertinggi iaitu Dewan Rakyat dan di Dewan Negara ini.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan kepada hakikat inilah maka krisis pindaan Perlembagaan ini membawa hikmah yang besar. Kalau di zaman Rasullullah s.a.w. pernah berlaku di dalam perang Hudaibiah apabila umat Islam pada masa itu menentang puak Musyrikin merasa yakin akan menang maka salah seorang daripada pahlawan Islam itu lari mengibarkan bendera lalu di depan rumah Abisufian memekikkan tanda kemenangan. Jadi, puak musyrikin merasa ragu-ragu, maka apabila puak Musyrikin merasa ragu-ragu mereka mencari jalan untuk mengadakan serangan balas. Memandangkan tektik itu Rasullullah s.a.w. diberi ilham oleh Allah s.a.w. supaya mengadakan jalan damai, maka itu dikatakan satu baiatusajarah iaitu perjanjian di bawah pokok atau yang dikatakan baiaturidwan, yakni pendamaian yang dibuat secara tergesa-gesa dengan beberapa formula yang Musyrikin tidak akan mengacau

puak Islam dan Islam tidak akan mengacau puak Musyrikin. Ini 1,400 tahun dahulu. Jadi, memandangkan kepada cerita itu tadi maka di dalam krisis Perlembagaan ini juga kerana bagi pihak kita yakin yang kita akan merasa kebenaran di sebelah kita maka ada juara-juara kita yang mengibarkan bendera kemenangan itu sehingga boleh menyinggung perasaan sebelah pihak, maka itulah timbulnya berlarutan.

Sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepatutnya pindaan Perlembagaan ini akan diterima dengan selamat, dengan tidak ada tunjuk perasaan, dengan tidak ada rapat umum tetapi oleh kerana adanya berlaku kekeruhan yang dilakukan oleh petualang-petualang maka kekerohan itu mestilah dipukul oleh mereka yang sengaja mencetuskan masalah di mana sepatutnya tidak ada masalah, ini hikmahnya. Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam sewaktu membentangkan Akta Perlembagaan (Pindaan) ini tadi mengatakan janganlah jalan keluar ini disambar dan diputarbelitkan sehingga ia menjadi bahan politik negetif oleh pihak yang masih enggan menerima reality dan semangat kepada pindaan-pindaan Perlembagaan ini. Ini amaran daripada Yang Amat Berhormat Dato Timbalan Perdana Menteri. Apakah Akta Hasutan yang ada di dalam negara kita ini patut dipinda untuk diperkuatkan lagi supaya mereka nanti yang menyalahgunakan Akta Perlembagaan (Pindaan) ini boleh diamankan melalui Akta Hasutan.

Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam meneruskan ucapannya tadi sesiapa yang cuba mengeksploitasikan usaha jalan keluar menerusi pindaan Perlembagaan ini hendaklah bertanggungjawab terhadap tindak-tanduk mereka, amaran yang kedua lagi kuat tetapi apakah amaran ini hanya tinggal amaran apabila nanti insya Allah pukul 6.30 atau pukul 7.00 Dewan ini meluluskan dengan sebulat suara, dengan undi sepenuhnya maka amaran itu akan hilang dibawa oleh bayu begitu sahaja, sedangkan golongan-golongan yang akan menyalahgunakan pindaan tahun 1984 ini akan terus berjalan. 37 tahun dahulu rakyat menentang gagasan Malayan Union dengan perpaduan. 37 tahun dahulu tidak ada kemudahan, rakyat hanya berjalan kaki.

Saya teringat pada masa itu, saya bersekolah lagi, disuruh pakai songkok putih berbaris daripada kampung saya Bagan sampai ke Peri Peserai kerana hendak melaungkan kalimah "Hidup Melayu", "Hendak Selamat Raja-raja Melayu", Hendak Balikkan Kedaulatan Raja-raja Melayu, Tahta Raja Melayu, Bangsa Melayu". 37 tahun dahulu tidak ada bas MARA, tidak ada Honda Cub, tidak ada Yamaha, tidak ada apa, jalan kaki. 37 tahun kemudian rakyat berkumpul di Rongkop, rakyat berkumpul di Pelabuhan Kelang, rakyat berkumpul di Seremban, rakyat berkumpul 200,000 di Batu Pahat kerana menyatakan sokongan untuk menentukan hidup matinya rakyat di dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan sistem Raja Berperlembagaan, jarak beza 37 tahun.

Tuan Yang Dipertua, apa yang akan berlaku 50 tahun yang akan datang, 50 tahun yang akan datang kalaulah pindaan ini mula-mula kita luluskan 15 hari tidak diterima akan menjadi undang-undang, kemudian kerana toleransi jadi 30 hari, kalau ada bantahan kita akan bawa lagi, kalau tidak ada apa-apa sama ada ya atau tidak 30 hari akan lulus. Jadi ertinya mahu tidak mahu lulus juga.

Jadi saya katakan bahawa formula yang telah diluluskan, formula yang telah diterima ini kalau di dalam zaman Rasulullah tadi saya katakan

"Baiatul-sajarah" atau "Baiatul-ridzuan". Formula yang dibuat oleh pemimpin kita, Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri dan Kabinetnya jadi "Baiatul-amanah", perjanjian amanah, amanah rakyat kerana Yang Amat Berhormat Dato' Musa telah menegaskan kalau amanah rakyat ini tidak dilaksanakan, amaran Dato Musa yang ketiga, saya katakan demikian, kata Dato Musa kerana dalam perkiraan akhir rakyatlah yang akan menghakimkan mereka. Inilah amaran yang ketiga, Yang Amat Berhormat Dato Musa telah sebut sewaktu di dalam membentangkan pindaan kepada Akta Perlembagaan, 1984.

Saya hanya memperkuatkan lagi iaitu kehendak rakyat tetapi oleh kerana memikirkan, oleh kerana merenung dan memandangkan bahawa perjuangan kita yang begitu jauh sejak daripada gelombang mula-mula penyakit-penyakit yang berlaku, apabila Jepun menyerah kalah. Ini sejarah tidak boleh hendak kita nafikan, sengaja saya bawa, saya akan paparkan bagaimana tandatangan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu diambil, bagaimana kekuasaan Raja-raja Melayu dirampas dengan pujuk rayu. Perjuangan orang Melayu melalui UMNO, UMNO menimbulkan balik, UMNO meletakkan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu di tempat yang istimewa. Tetapi oleh kerana kehendak Raja-raja untuk campur di dalam masalah politik negara, sekiranya Yang di-Pertuan Agong mengembalikan Rang Undang-undang itu untuk dipertimbangkan semula oleh Parlimen kerana ada bantahan tertentu maka kedua-dua Dewan Parlimen hendaklah segera menimbangkan semula. Ertinya kita akan membahaskan Titah Raja. Titah Raja akan kita pertikaikan.

Kalau Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam memberi gelaran 7 Kesatria di Batu Pahat, saya khuatir Patih Karma Wijaya masih ada berlegar dalam kalangan istana. Patih Karma Wijaya ialah orang yang bergerak menjalankan fitnah, hasad dengki, dendam kesumat tidak habis. Ini yang kita takut. Jadi Akta Hasutan Yang Amat Berhormat Dato Musa sahajalah yang boleh menyekat gerakan Patih Karma Wijaya yang ada di dalam kalangan masyarakat kita. Saya tidak mahu amaran demi amaran, jangan gertak sebarangan sahaja, Dato; kalau gertak-gertak sebarangan sahaja orang tidak takut tetapi buat betul-betul.

Tuan Yang Dipertua, memahami hakikat inilah yang kita tidak mahu lagi ada orang luar yang cuba memperkotak-katikkan kewibawaan rakyat yang memilih Kerajaan, yang memilih pemimpinnya, yang mencintai pemimpinnya Kalau rakyat tidak cinta kepada pemimpinnya, rakyat tidak akan keluar berpuluh-puluh ribu berdiri bersama pemimpin di dalam keadaan dan ketika apa sahaja. Kekeramatan suara ini dapat diatasi oleh rakyat sendiri dengan rakyat memberi sokongan yang tidak berbelah-bahagi. Kalau keputusan ini kita selesaikan hari ini, diadakan segala rapat umum untuk meminta rakyat memberi sokongan, insya Allah, rakyat akan keluar berdiri tanpa diminta-minta. Ini hakikat yang sebenar. Semua kaum akan memberikan sokongan kepada pemimpin, kepada pucuk pimpinan, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada Timbalan Perdana Menteri. Rakyat akan menzahirkan diri dengan harapan yang penuh kerana rakyat yakin bahawa pemimpinnya akan dapat mengembalikan maruah rakyat itulah yang akan berada di pihak yang benar, di pihak yang menang.

Tuan Yang Dipertua, di dalam kita membahaskan pindaan Perlembagaan tahun 1984 ini, kita masih dengar lagi ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri: Saya tidak penting, yang penting rakyat. Terdengar lagi ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri: Suara ramai mesti dihormati, bukan suara yang sedikit. Ini diikuti oleh rakyat di kampung-kampung. Saya bukan golongan "personnel", saya bukan loyar, saya bukan doktor, saya bukan jurukira; saya orang kampung tetapi orang kampung hari ini pun pandai cerita masalah Perlembagaan.

Tuan Yang Dipertua, Majlis Maulud Nabi yang saya ikuti sepanjang bulan Maulud ini bertukar kepada corak Perlembagaan. Mereka minta orang yang bersyarah mengenai Maulud Nabi tolong masukkan sedikit kursus Perlembagaan. Jadi memang ada di dalam Maulud Nabi di dalamnya, Nabi Muhammad yang mengajar manusia kepada hidup bertatakerama iaitu berperlembagaan, cuma manusia itu sendiri yang tidak tahu menerapkan Perlembagaannya ke tempatnya. Maka inilah pimpinan 2M, saya kata dalam syarahan Maulud, hendak menentukan Perlembagaan yang dibuat oleh kita itu diletakkan di tempatnya. Masuk Perlembagaan dalam Maulud Nabi untuk menerapkan ajaran Islam di dalam kursus Perlembagaan.

Tuan Yang Dipertua, yang saya khuatir di kampung-kampung ini orang bercakap: Dr Mahathir tidak puas jadi Perdana Menteri, Dato Musa Hitam tidak puas jadi Timbalan Perdana Menteri, buat pindaan Perlembagaan 15 hari, diisytihar Republik, besok Mahathir jadi Presiden, Dato Musa Hitam jadi Perdana Menteri, baru jaga-jaga. Ini digunakan di pilihanraya Rungkup, ini digunakan dalam pilihanraya Seremban. Di mana orang-orang Kementerian Dalam Negeri yang ada tanggungjawab sebagai SB-SB, Cawangan Khas. Di Rungkup bukan main kecoh, tetapi alhamdulillah, kita menang terutama sekali orang-orang saya suku-suku Jawa—Wah! Indonesia orang Jawa jadi Presiden; Malaysia pun orang Jawa jadi Presiden, kerana di sana Presiden Sukarno, Presiden Suharto; di Malaysia Presiden Mahathir, Presiden Musa. Masuk, siapa yang memainkan ini? Ini orang yang kita kata mahu menubuhkan satu negara republik, PAS diadakan, orang ini menjalankan jarumnya di kawasan kampung-kampung. Tengok perjuangan rakyat Iran, sultannya digulingkan. Kita tidak payah cakap, dia sudah mula-mula buat. Ini yang hendak kita betulkan.

Kalau penjelasan yang diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dapat diberikan penjelasan ini kepada rakyat melalui media-massa Kerajaan RTM, kalau dahulu waktu Rukunegara ada siri khas, penceramah khas menerangkan konsep Rukunegara; mengenai Perlembagaan ini patut ada satu siri khas melalui TV supaya rakyat kenal artikel-artikel. Sehingga hari ini pun di dalam artikel yang mengatakan Islam agama Persekutuan itu, orang tidak mahu terima kalau kita kata Islam agama rasmi, dia kata Islam agama Persekutuan. Kalau dia ubah Islam agama rasmi baru kita hormati. Ini kita kena perbetulkan.

Satu masa katakanlah rakyat mahu kuasa dan rakyat serentak satu hari Parlimen diputuskan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara putuskan, Hari Raya Puasa tahun Hijrah 1405 serentak Dewan Rakyat putus, Dewan Negara putus, persembahkan kepada Istana Negara, kemudian 30 hari turun balik, dibahaskan. Dalam bahas inilah nanti kita akan muka berpandangan, budi kedapatan. Tidakkah ini patut

diselesaikan, tidakkah perenggan ini patut dihalusi, perenggan ini patut diperbaiki supaya kita tidak mahu muka berpandangan, budi kedapatan.

Di dalam budaya hidup orang kita ini halus sehalus-halusnya, selembut sutera, sebiru warna bunga. Jadi kalau dicarik dengan hitam dan merah maka akan rosaklah warna. Jadi kita tidak mahu warna keharmonian di dalam masyarakat kita dalam negara kita rosak kerana adanya semangat yang cuba mahu memupuk kebangkitan rakyat. Sekarang ini kita kata kita meletakkan suara rakyat di tempatnya, suara ramai. Ada satu golongan di dalam negara kita ini yang memupuk kebangkitan rakyat untuk rakyat. PSRM terang-terang berkata kebangkitan rakyat. Sepatutnya pindaan itu telah dibuat beberapa tahun yang lalu sesuai dengan sosialismnya.

Anak-anak muda angkatan belia kita dalam negara kita sekarang ini, saya percaya Kerajaan sedar, kalau Kerajaan tidak sedar, tidak ada BTN dekat JPM. Kerana adanya Biro Tata Negara ini kerana Kerajaan sedar keadaan ini. Kesedaran Kerajaan untuk membendung ini, perkataan-perkataan membendung ungkapan-ungkapan yang akan memupuk semangat rakyat di kalangan belia hari ini, bukan untuk mempertahankan Perlembagaan yang ada, malahan mahu cuba pula membentuk satu Perlembagaan yang baru.

Isu demi isu di dalam pindaan Perlembagaan ini, saya percaya rakyat akan menerima baik keputusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara hari ini dan rakyat di seluruh negara kita akan merasa lega kerana dalam pindaan 1984 ini tidak siapa menang, tidak siapa kalah. Tetapi saya yakin kita akan menang, kita menang kerana kita di pihak yang benar, di pihak rakyat yang ramai untuk menentukan masa depannya, menentukan masa hidupnya. Cuma apa yang saya harapkan tadi, sepertimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Musa sewaktu membentang Akta ini tadi iaitu mereka yang cuba menggunakan isu-isu pindaan Perlembagaan ini sehingga menjadi politik negatif kepada mereka atau setiap orang atau satu orang yang cuba mengeksploitasi usaha ini, saya minta Kerajaan benar-benar meredakan keadaan ini, sebab kalau sekali ini kita tidak boleh redakan, lulus jarum, lulus kelindan. Lain kali nanti dia buat. Begitu hebat krisis Perlembagaan. Menteri Dalam Negeri cakap sahaja, tidak boleh buat apa-apa. Nanti lagi satu kali kalau ada krisis lagi dia cakap begitu, gertak sebarangan sahaja itu. Kita tidak boleh beri manja kepada mereka. Diberi manja kepada mereka nanti dipijak kepala, diburukkan pemimpin, dicemuh-cemuhkan pemimpin, dilaga-lagakan pemimpin dengan pemimpin, bila hendak menjelang nanti parti akan mengadakan perhimpunan agong memilih Majlis Tertinggi seperti memilih Presiden, akan digunakan nanti isu ini.

Kita tidak mahu isu Perlembagaan yang kita selesaikan ini, dengan doa rakyat akan digunakan oleh mereka yang cuba akan menangguk di air keruh untuk kepentingan peribadi mereka, untuk kepentingan golongan mereka, atau untuk kepentingan tuannya, kalau mereka ini ada tuan. Barangkali ada penulis-penulis kita yang menulis menyakitkan hati, ini ada tuannya yang menyuruh dia menulis. Kalau dahulu kita heboh dengan Alex Josey, sekarang kita tidak tahu apa peranan Alex Josey dalam isu pindaan Perlembagaan. Kalau dahulu KGB pernah ada masuk sampai kepada jabatan yang terpenting, apa peranan KGB dalam isu pindaan Perlembagaan. Ini semua kita perlu teliti, kita takut kita sama

kita berlaga sama sendiri, ada orang lain yang main peranan sebagai dalang. Kalau dalang-dalang ini termasuk dalam petualang-petualang yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri sewaktu di Dewan Rakyat dari semalam dan kalau dalang-dalang petualang-petualang ini termasuk dalam kalangan mereka yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato Musa, mereka yang cuba mengeksploitasi usaha ini, saya minta kerajaan bertindak.

Saya memberikan sokongan penuh di atas pindaan Perlembagaan 1984 ini dengan rasa bangga, syukur ke hadrat Allah subhanahu wataala kerana satu sejarah yang menyelubungi suasana negara telah diberi taufik dan hidayah dan perkara ini selesai dengan tiada mengguriskan sedikit warna hitam atau warna merah di atas bendera negara kita.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya menyokong Akta (Pindaan) Perlembagaan 1984.

Timbalan Yang Dipertua: Jemput Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab.

6.06 ptg.

Timbalan Perdana Menteri (Dato Musa Hitam): Tuan Yang Dipertua, seramai 24 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ucapan, memberi hujah mereka dan saya berasa sangat-sangat sukacita dan terharu bahawa kesemua daripada 24 orang yang bangun itu telah menyokong pindaan Perlembagaan ini dan saya percaya saya harus bertanggungjawab menyampaikan ucapan terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir selaku Perdana Menteri kita di atas pujian dan ucapan terima kasih yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepadanya sendiri sebagai Perdana Menteri yang telah berjaya berusaha mengatasi soal dan masalah pindaan Perlembagaan 1983 pada beberapa bulan yang lepas.

Tuan Yang Dipertua, oleh sebab semua yang bangun telah memberi sokongan, maka tugas dan tanggungjawab saya bangun menggulung perbahasan ini tidaklah begitu rumit, tidaklah begitu sukar dan tidaklah begitu payah.

Saya cuma suka mengambil kesempatan di sini menyebut satu dua perkara sahaja yang telah begitu banyak disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara yang pertama ialah berhubung dengan kejayaan yang telah dicapai di mana kejayaan yang telah dicapai ini telah beberapa kali disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat merupakan cara pencapaian ala Malaysia, cara di mana semangat muhibbah, semangat persefahaman, semangat tolak ansur telah wujud di kalangan masyarakat kita daripada peringkat setinggi-tingginya iaitu Raja-raja Melayu dan serendah-rendahnya iaitu rakyat jelata.

Sebenarnya, sepanjang sejarah negara kita Malaysia merdeka ini, kita memang sentiasa dapat menunjukkan semangat yang sedemikian, bila-bila masa juga kita menghadapi sesuatu masalah politik di dalam negara kita seperti yang disebutkan berkali-kali yang telah terjadi di dalam negara kita ini. Semangat yang telah ditunjukkan oleh semua pihak ini merupakan satu contoh tanggungjawab dan kematangan pucuk pimpinan kita termasuklah Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja sekali. Dan semangat yang sebeginilah yang telah mengecewakan mereka yang tidak suka melihat keadaan tenang di dalam negara kita ini termasuklah mereka dari luar negeri, wartawan-wartawan yang menulis artikel-artikel mereka di

dalam negeri, elemen-elemen anti nasional yang tidak suka melihat keadaan tenteram di dalam negara kita ini, dan mereka yang boleh dikatakan di dalam bahasa Inggeris sebagai "Prophets of Doom". Mereka telah terkecewa oleh sebab kita telah dapat menunjukkan sekali lagi kematangan kita dan semangat persefahaman dan tanggungjawab kita bersama di kalangan segala lapisan masyarakat yang saya sebutkan tadi.

Di samping saya menyebut semangat ini, bagaimana semangat ini telah dapat kita gunakan dengan begitu positif, membina di dalam negara kita. Kita harus juga mengingatkan diri kita dan berhati-hati sentiasa bagaimana di dalam sistem politik demokrasi berparlimen sentiasa kita akan menghadapi berbagai-bagai cabaran, berbagai-bagai pergolakan dan berbagai-bagai perkembangan di kalangan kita dan cuma dengan hati yang tenteram, sabar dan tenang sahajalah lebih-lebih lagi di kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara, pucuk pimpinan dan mereka yang terlibat. Dengan itu sahajalah maka dapat kita menghadapi dan mengatasi masalah-masalah itu dan mempastikan ketenangan hidup dan keadaan yang tenteram di dalam negara kita pada keseluruhannya.

Pada pendapat saya sistem kita iaitu sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan akan kekal di dalam negara kita ini. Saya menyatakan sedemikian oleh sebab nampaknya rakyat jelata telah memahami dengan sedalam-dalamnya, dengan sebenar-benarnya apakah yang dimaksudkan dengan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Ini merupakan satu daripada hikmah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan kita pada hari ini, hikmah di mana kita semua dapat peluang benar-benar memahami atas konsep Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Kalau pada masa dahulu kita menganggap bahawa kita benar-benar memahaminya dan dengan izin, Tuan Yang Dipertua, kalau kita menganggap ataupun mengambil sikap yang boleh dikatakan dalam bahasa Inggerisnya sebagai "take for granted" yang kita benar-benar memahami, rupa-rupanya begitu banyak di kalangan kita yang tidak memahami hasrat Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Dengan terjadinya atau timbulnya masalah ini maka huraian telah dilakukan oleh pucuk pimpinan, oleh pakar-pakar undang-undang, segala lapisan masyarakat di dalam perjumpaan dan perbualan ataupun di dalam perbahasan sama ada dengan cara formal ataupun dengan cara tidak formal. Apakah erti kata sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan? Hikmah ini harus kita mengucap syukur Alhamdulillah yang telah dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada masyarakat di negara kita Malaysia yang bahagia.

Tuan Yang Dipertua, pengekalan sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan ada syarat-syaratnya. Ianya cuma akan kekal asalkan semua pihak lebih-lebih lagi pucuk pimpinan politik dan pucuk pimpinan pentadbiran dan tidak tertinggal juga Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja di negara kita ini asalkan semua pihak ini sedar atas tanggungjawab masing-masing dan sentiasa sensitif ke atas hasrat rakyat, perasaan rakyat, tuntutan rakyat, kehendak rakyat dan semua pihak yang berkenaan ini asalkan mereka bergerak berasaskan kepada prinsip-prinsip yang bertaqwa dan bermoral dan tidak ada sesiapa pun akan mengambil sesuatu tindakan dengan keadaan bermaharajalela.

Negara kita Malaysia merupakan negara membangun. Tetapi satu daripada keistimewaan yang wujud di dalam negara kita Malaysia ini ialah bahawa pembangunan di dalam negara kita ini telah begitu pesat berlaku di dalam jangka masa yang begitu pendek dengan tidak ada kekacauan berlaku. Tidak ada pertukaran-pertukaran yang radikal, pentadbirannya berterusan dan hasil daripada keadaan itulah maka rakyat jelata di negara kita ini semakin lama semakin terpelajar, semakin lama semakin terdedah, semakin lama semakin moden pemikirannya. Dan mereka mengetahui atas hak mereka. Mereka mengetahui asas kebebasan mereka dan mereka pasti akan menuntut kita semua yang bertanggungjawab di dalam Kerajaan sama ada pucuk pimpinan politik atau pentadbiran ataupun Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja. Mereka akan menuntut kita semua memainkan tugas dan tanggungjawab kita. Sensitif kepada tuntutan dan keperluan mereka ini.

Tuan Yang Dipertua, ada satu dua lagi perkara yang saya hendak sebutkan di sini di mana saya harus menjawabnya oleh sebab Yang Berhormat Saudara Basharon Hanapiah telah membuat pertanyaan yang dia sendiri meminta jawapan daripada saya. Dia bertanya sama ada pindaan ini tidak bercanggah dengan Perlembagaan kita sendiri. Dan dia bertanya juga kenapa 30 hari?

Kepada soalan yang pertama, jawabnya—tidak. Sekurang-kurangnya pakar-pakar undang-undang yang telah menyatakan dan saya percaya begitu banyak lawyer-lawyer yang ada di sini semuanya berdiri menyatakan mereka bukan "lawyer buruk". Jadi barangkali kita sama-sama bertanggungjawab dan saya dapat tahu ini tidak bercanggah. Tambahan pula amalan begini seperti yang tertera di dalam pindaan ini bukanlah amalan luar biasa seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam perbahasan di Dewan Rakyat semalam, amalan ini berlaku di Kuwait iaitu satu negara yang menganuti sistem Raja mutlak. Amalan ini dibuat dan wujud di negara India yang mengikuti sistem Republik tetapi ada Presidennya. Dan amalan ini juga wujud di negara Thailand di mana negara ini bolehlah dikatakan menganuti sistem Raja berperlembagaan. Di ketiga-tiga negara ini cara yang telah kita persetujui ini telah pun diamalkan.

Ada negara yang menggunakan 30 hari, ada yang menggunakan 60 hari, ada yang menggunakan 90 hari. Dan kita telah memilih 30 hari dan rasional dari segi tertentu tidak ada. Kenapa tidak 15 hari? Tidak 15 hari kerana tiada dipersetujui dahulu, jadi kita tukar kepada 30 hari dahulu, kalau tidak dipersetujui balik kepada Parlimen, selepas itu dihantar balik, selepas 30 hari lagi tidak dipersetujui, barulah menjadi undang-undang. Ini semata-mata untuk memberi peluang kepada pihak-pihak yang berkenaan benar-benar meneliti sesuatu pendapat yang bercanggah agaknya yang mungkin dikemukakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila ianya meneliti sesuatu undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya tidak ada jawapan, tidak ada jawapan yang diperlukan, tidak ada apa yang diperkatakan yang begitu serius yang berkehendakkan saya membuat sesuatu komen. Saya cuma sangat-sangat tertarik di atas ucapan saudara kita Yang Berhormat yang akhir sekali iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom, kalau bolehlah dia bercakap mula-mula tadi dengan begitu

bersemangat, saya fikit yang lain pun barangkali syok juga dan lebih bersemangat daripada dia.

Saya baru sahaja belajar dia menggunakan perkataan "sebiru warna buluh". Kalau tidak salah saya warna buluh hijau, sebiru warna buluh itu barangkali suatu pepatah Melayu yang saya tidak begitu arif yang digunakan olehnya. Walau macamana pun, saya suka menyatakan bahawa setelah ianya menyebut ucapan saya, diucapkan terima kasih kerana highlightkan ucapan saya tadi. Saya cuma menegaskan sekali lagi di dalam ucapan saya yang pentingnya ialah ayat apabila saya mengatakan, akhir sekali rakyatlah yang akan menghakimkan, akhir sekali rakyatlah yang akan menghakimkan, ayat itulah yang terpenting sekali, yang harus kita tidak lupa sekali-kali apabila kita menjalankan tugas dan tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat, sama ada di Dewan Negara, di Dewan Rakyat, di Dewan Undangan Negeri ataupun sebagai ahli-ahli parti-parti politik di dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada tiap-tiap seorang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berdiri berucap dan menyokong pindaan Perlembagaan ini dan saya mengucapkan terima kasih juga kepada mereka yang hendak bangun tadi begitu ramai, tetapi nampaknya tidak dapat diizinkan oleh sesuatu sebab yang diputuskan oleh Tuan Yang Dipertua sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang kedua dan bagi maksud ini Majlis akan mengadakan Belah-bahagian mengikut syarat-syarat Fasal 3 dalam Perkara 159 Perlembagaan.

Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing.

Loceng dibunyikan

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 50 undi; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

1. Dato Sulaiman bin Ninam Shah.
2. Tuan Haji Latip bin Haji Dris.
3. Tuan Alexander Y. L. Lee.
4. Tuan K. Kumaran.
5. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh.
6. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar.
7. Tuan Ibrahim bin Salleh.
8. Tuan Basharon bin Hanapiah.
9. Tuan R. M. Jasni.
10. Tuan Abdul Wahab Abu Bakar.
11. Dato G. Pasamanickam.
12. Puan Ragayah binti Ariff.
13. Tuan Paramjit Singh.
14. Dato' S. Govindaraj.
15. Puan Hafsah binti Othman.
16. Tuan Tan Chang Soong.
17. Tan Sri Datuk Yeh Pao Tsu.
18. Datuk Chua Song Lim.
19. Datuk Haji Mohamed Nasir.
20. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah.
21. Tuan Ishak bin Abdul Rahman.
22. Tuan Loo Swee Mok.
23. Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kassim.
24. Dato Chin Kim Yoong.

25. Tuan Kenneth Kanyan anak Temenggong Koh.
26. Tuan Fadzil bin Mahmood.
27. Dato Wong Seng Chow.
28. Tuan Ahmad Othman.
29. Tuan Nasir Manap.
30. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman.
31. Tuan D. P. Vijandran.
32. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan.
33. Datuk James Bernard Willie.
34. Tuan Haji Mohamed bin Yahya.
35. Tuan Kee Yong Wee.
36. Datuk Khoo Kay Por.
37. Datin Habibah Abdul Ghani.
38. Tuan Salleh bin Kassim.
39. Tuan Mohd. Yusof Kassim.
40. Tuan Mohd. Noor bin Bedah.
41. Tuan Ng Ah Poi.
42. Tuan Haji Shaharom bin Maasom.
43. Tuan Jaafar bin Harun.
44. Puan Nen Abidah binti Abdullah.
45. Tuan Stephen Timothy Wan Ullok.
46. Puan Rokiah Zainuddin.
47. Tuan Abdul Hamid Ibrahim.
48. Tan Sri C. Selvarajah.
49. Cik Lim Hiang Nai.
50. Datuk Loh Fook Yen.

TIDAK BERSETUJU:
Tiada.

TIDAK MENGUNDI:
Tiada.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi ialah Bersetuju, 50; Tidak Bersetuju, Tiada; Tidak Mengundi, Tiada. Bersetuju dengan sebulat suara. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang *(Tepuk)*.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang ketiga dan bagi maksud ini Majlis akan mengadakan belah-bahagian mengikut syarat-syarat Fasal 3 dalam Perkara 159 Perlembagaan.

Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing.

Loceng dibunyikan.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan Belah-bahagian: Yang Bersetuju, 50; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

1. Dato Sulaiman bin Ninam Shah.
2. Tuan Haji Latip bin Haji Dris.
3. Tuan Alexander Y. L. Lee.
4. Tuan K. Kumaran.
5. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh.
6. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar.
7. Tuan Ibrahim bin Salleh.
8. Tuan Basharon bin Hanapiah.
9. Tuan R. M. Jasni.
10. Tuan Abdul Wahab Abu Bakar.
11. Dato G. Pasamanickam.
12. Puan Ragayah binti Ariff.
13. Tuan Paramjit Singh.
14. Dato' S. Govindaraj.
15. Puan Hafsah binti Othman.
16. Tuan Tan Chang Soong.
17. Tan Sri Datuk Yeh Pao Tsu.
18. Datuk Chua Song Lim.
19. Datuk Haji Mohamed Nasir.
20. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah.
21. Tuan Ishak bin Abdul Rahman.
22. Tuan Loo Swee Mok.
23. Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kassim.
24. Dato Chin Kim Yoong.
25. Tuan Kenneth Kanyan anak Temenggong Koh.
26. Tuan Fadzil bin Mahmood.
27. Dato Wong Seng Chow.
28. Tuan Ahmad Othman.
29. Tuan Nasir Manap.
30. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman.
31. Tuan D. P. Vijandran.
32. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan.
33. Datuk James Bernard Willie.
34. Tuan Haji Mohamed bin Yahya.
35. Tuan Kee Yong Wee.
36. Datuk Khoo Kay Por.
37. Datin Habibah Abdul Ghani.
38. Tuan Salleh bin Kassim.
39. Tuan Mohd. Yusof Kassim.
40. Tuan Mohd. Noor bin Bedah.
41. Tuan Ng Ah Poi.
42. Tuan Haji Shaharom bin Maasom.
43. Tuan Jaafar bin Harun.
44. Puan Nen Abidah binti Abdullah.
45. Tuan Stephen Timothy Wan Ullok.
46. Puan Rokiah Zainuddin.
47. Tuan Abdul Hamid Ibrahim.
48. Tan Sri C. Selvarajah.
49. Cik Lim Hiang Nai.
50. Datuk Loh Fook Yen.

TIDAK BERSETUJU:
Tiada.

TIDAK MENGUNDI:
Tiada.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi ialah: Yang Bersetuju, 50; Yang Tidak Bersetuju, Tiada Yang Tidak Mengundi, Tiada.

Bersetuju dengan sebulat suara.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang *(Tepuk)*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.